

## **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG AURAT DAN PAKAIAN SOPAN MENURUT BIDANG KUASA MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU – BANDAR RAYA ISLAM: SATU HURAIAN**

**Mohd Azhar Abdullah\***

**Raihanah Abdullah\*\***

### **ABSTRACT**

*Aurat issue continues to be in turmoil not only in the west, in fact also in record in Muslims countries. This conflict often cause tragedy involving physical, mental and emotion that challenging faith and intelligence. Therefore, implementation of covering the aurat does not neglected from various challenges either external or internal. In Malaysia covering the aurat is not the main policy in country's administration. Federal government action which gives choice on the enforcement of covering aurat, cause an ununiformity of aurat law in this country. Since 1992, Kelantan State Government is very committed in utilising the choice given by the federal government with more comprehensive method through Kota Bharu Municipal Council-Islamic City (MPKB-BRI) law. In accordance with that, this writing surveys on how far the implementation of covering the aurat in business premises from historical background, jurisdiction, interpretation, sources and enforcement level. Research data are gathered through library research, especially from Islamic sources*

---

\* Lecturer, Department of al-Dakwah Wal Qiadah, International Islamic College of Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, mohdazhar03@yahoo.com.

\*\* Associate Professor, Department of Syariah Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, raihanah@um.edu.my.

*and law. Meanwhile the collected data from the field (secondary sources) obtained through the materials published by the MPKB-BRI. It is also reinforced by interviews of individuals who are directly involved.*

**Keywords:** *undang-undang kecil, aurat, pakaian sopan, siyāsah syar'iyah, MPKB-BRI*

## PENDAHULUAN

Isu aurat begitu sensitif kerana relevansi agama dan hak-hak keperibadian. Konflik aurat ini bertambah parah dan rumit apabila Barat memanipulasikan untuk agenda-agenda tertentu. Tragedi-tragedi aurat terus direkodkan akibat prejudis, terutama selepas imej Islam dikaitkan dengan apa yang disifatkan mereka sebagai ancaman dunia yang mencetuskan Islamofobia di kalangan masyarakat antarabangsa.<sup>1</sup>

Lipatan sirah<sup>2</sup> menunjukkan konflik aurat bukanlah bertolak daripada sentimen agama semata-mata, tetapi isu anti-Islam yang berkait rapat dengan senario politik. Bermula pada tahun kedua Hijrah, Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemerintah tertinggi Madinah mengambil tindakan politik yang tegas melucutkan kewarganegaraan Madinah bagi bangsa Yahudi Qainuqā' lantaran

---

<sup>1</sup> Semenjak tragedi 11 September 2001 tekanan anti-Islam kian memuncak, termasuk tekanan terhadap bertudung dan penutupan aurat. Konflik ini bukan terhad kepada dunia barat tetapi juga melibatkan negara umat Islam seperti di Turki, Mesir dan Pakistan. Antara negara bukan Islam yang pernah mencatatkan konflik jilbab ialah Singapura, Uzbekistan, Australia, Itali, Belgium, Belanda, Denmark, Switzerland, Perancis, Jerman, Britain dan Sri Lanka. Lihat, Mohd Azhar bin Abdullah (2006), *Tudung: Anugerah, Histori, Konflik dan Perjuangan*, hh. 145-158, Kota Bharu: Percetakan Nik Daud, *Harakah*, "Purdah Digeruni Masyarakat Eropah" 1-4 Februari 2009, h. 15.

<sup>2</sup> Istilah sirah berbeza dengan sejarah. Sirah adalah seluruh perjalanan Rasulullah S.A.W yang termasuk dalam bahagian '*ubudiyah*'. Manakala sejarah adalah berkaitan peristiwa dan tokoh manusia biasa. Kerana itu Dr. Ramaḍān al-Būṭī menyarankan usaha pengasingan perihal sirah dengan sejarah perlu dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan. Lihat, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (t.t), *Fiqh al-Sīrah*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 3; Munir Muḥammad al-Ghadbān (1987), *al-Manhāj al-Ḥarakī li Sīrah al-Nabawiyah*, j. 1, Beirut: Maktabah al-Manār, h. 15.

tindakan melampau pemilik kedai Yahudi mengaibkan aurat seorang muslimah Ansar semasa dia mewarnakan kain<sup>3</sup> sehingga mencetuskan huru-hara.<sup>4</sup>

Rupanya tragedi tersebut bukan setakat pada zaman Rasulullah S.A.W sahaja tetapi terus terjadi dalam sejarah umat Islam, terutama di negara bukan Islam. Dalam dekad ini antara tragedi menyayat hati berlaku pada pada 1 Julai 2009 apabila seorang wanita Mesir bernama Marwah al-Syarbini mati syahid ditikam sebanyak 18 kali di ruang mahkamah Dresden, Jerman sebelum sempat ia memberi keterangan kepada mahkamah tentang gangguan emosi dan cubaan gangguan fizikal seorang pemuda Jerman bernama Alex W semata-mata prejudis terhadap tudung.<sup>5</sup>

Perkembangan semasa di Eropah mengisyaratkan bahawa konflik penutupan aurat ini akan terus bergolak.<sup>6</sup> Dunia barat masih bersikap anti-

<sup>3</sup> Al-Būṭī menjelaskan insiden Yahudi Bani Qainuqā' adalah watak-watak dari refleksi kebencian yang terpendam lagi mendalam terhadap orang-orang Islam. Bukanlah tudung yang menutupi muka itu yang menjadi persoalan pokok, tetapi tindakan ingin menodai perasaan keagamaan wanita Islam itu yang tampak jelas daripada pemakaiannya. Dendam mereka semakin marak selepas kemenangan Islam dalam perang Badar yang memberikan moral tinggi kepada Islam. Lihat al-Būṭī, (t.t), *op.cit*, hh. 183-184.

<sup>4</sup> Ibn Hisyām (1998), *al-Sīrah al-Nabawīyyah li Ibn Hisyām*, j. 3, cet. 3, Beirut: Dār al-Fikr, hh. 6-8.

<sup>5</sup> Kes bermula pada tahun 2008 apabila Marwah membawa anak lelakinya Mustafa, 3 tahun bermain di taman kanak-kanak di Dresden. Marwah kemudiannya memohon izin untuk bermain buaian bagi anaknya daripada seorang lelaki warga Jerman berbangsa Rusia berumur 28 tahun yang sedang bermain buain. Lelaki tersebut bukan sahaja enggan, malah mengeluarkan perkataan kesat dan menggelarnya sebagai pengganas kerana bertudung. Marwah kemudiannya membuat laporan polis dan mengadu di mahkamah dan mahkamah memerintahkan lelaki tersebut membayar 750 Euro. Lelaki itu tidak berpuas hati dengan keputusan hakim lantas memohon ulang bicara. Pembicaraan rayuan itu ditetapkan pada 1 Julai 2009. Semasa Marwah datang pada hari pembicaraan tersebut bersama suami dan anaknya, lelaki itu telah menunggunya dengan sebilah pisau dan menikam Marwah bertubi-tubi. Lebih malang, Marwah ketika itu mengandung 3 bulan ditikam di hadapan suaminya dan anaknya berusia 4 tahun. Suaminya kemudiannya tercedera ditembak sepasukan polis yang meluru masuk ke dalam bangunan mahkamah tersebut, manakala pembunuh Marwah tidak ditembak. *Harakah*, "Marwah as-Syarbini Jadi Sebutan Sebagai Syahidah", bil. 1459, 27-30 Julai 2009, h. 14.

<sup>6</sup> Peringkat moden ini menyaksikan peringkat paling buruk dan hina dalam sejarah umat Islam. Pada zaman ini akan muncul permasalahan hijab. Realitinya isu hijab ini timbul kerana barat melihat hijab dan niqab melalui mata kebencian dan sempit. Paling buruk mereka menyerangnya dalam apa jua tindakan dan pendekatan. Lihat, Muḥammad Aḥmad Ismā'īl (t.t), *Awdah al-Ḥijāb*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 18.

Islam. Antaranya, Perancis dalam proses kelulusan parlimen mengharamkan pemakaian tudung di tempat-tempat awam seperti hospital dan sekolah<sup>7</sup> walaupun mendapat bantahan dalam pelbagai bentuk rusuhan, tunjuk perasaan di jalan-jalan raya, bukan sahaja di kalangan umat Islam, bahkan penganut agama lain. Norway pula akan menguatkuasakan larangan tudung di sekolah-sekolah kerajaan bermula akhir bulan Ogos 2010 kerana mengikuti langkah-langkah yang telah diambil oleh Belanda dan Belgium yang mengharamkan pemakaian tudung di tempat-tempat awam.<sup>8</sup>

Di Malaysia, menutup aurat bukanlah polisi kerajaan persekutuan kecuali dikehendaki berpakaian sopan.<sup>9</sup> Dasar pilihan kerajaan persekutuan dalam isu aurat ini menyebabkan ketidakseragaman kod etika berpakaian umat Islam di negara ini. Situasi ini bukan sahaja memungkinkan pelaksanaan syiar Islam tidak terjamin, malah kadang kala mencetuskan isu.<sup>10</sup> Polemik aurat lebih keruh apabila ada badan-badan bukan kerajaan (NGO) tertentu sering kali mempertikaikan hak-hak berpakaian Islam<sup>11</sup> secara terbuka sama ada melalui media cetak, forum dan sebagainya.

Bertitik tolak dari konflik itu, penulis tertarik untuk meninjau peruntukan pakaian menutup aurat dan pakaian sopan kepada bukan Islam (selepas ini disebut undang-undang aurat sahaja) yang dikuatkuasakan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (selepas ini disebut MPKB-BRI) yang disifatkan oleh sesetengah pihak bertentangan dengan hak-hak asasi manusia, menjejaskan keharmonian kaum dan melembabkan pertumbuhan ekonomi Kelantan.<sup>12</sup>

---

<sup>7</sup> *Sinar Harian*, “Perancis Larang Pakai Purdah Di Tempat Awam”, 26 Januari 2010, h. 20.

<sup>8</sup> *Harakah*, “Beberapa Negara Eropah Haramkan Hijab”, 25-28 Januari 2010, h. 24.

<sup>9</sup> Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etiket Pakaian, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dikuatkuasakan pada 15 Disember 1993.

<sup>10</sup> Antara contoh isu ketidakseragaman tersebut adalah pertembungan antara pelajar, ibu bapa, peraturan pihak sekolah dan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia. Datuk Noh Omar, sewaktu beliau menjadi Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia pada waktu itu berkata: “Kita hanya menggalakkan pelajar perempuan Islam memakai tudung, tetapi tiada sesiapa termasuk pihak sekolah boleh memaksa mereka yang enggan berbuat demikian, malah minta ibu bapa yang mendapati anak mereka dipaksa memakai tudung oleh pihak sekolah supaya menghubungi Kementerian Pelajaran”. Lihat *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2006, h. 9.

<sup>11</sup> Naziree Md. Yusof (2006), “Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukuman Murtad di Malaysia”, *Jurnal Kanun*, 18(1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 8.

<sup>12</sup> Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi respon ekoran isu

Di samping itu, kajian ini juga menumpukan perbincangan aurat wanita Islam berbanding pakaian sopan bagi wanita bukan Islam selaras dengan sikap penguatkuasaan MPKB-BRI dan realiti semasa yang mana penglibatan wanita bukan Islam di Kelantan agak kecil, dan dalam keadaan yang sama mereka masih berpegang teguh kepada nilai-nilai kesopanan yang murni dan budaya hidup adat ketimuran.<sup>13</sup>

## PENGENALAN RINGKAS MPKB-BRI

Sebelum penulis membincangkan undang-undang aurat yang dikuatkuasa oleh MPKB-BRI, ada baiknya penulis menyentuh secara ringkas pengenalan pentadbiran MPKB-BRI bertujuan memberikan sedikit maklumat berkaitan latar belakang, bidang kuasa dan peranan.

### 1. Kedudukan MPKB-BRI Dalam Pentadbiran Persekutuan dan Negeri

MPKB-BRI adalah salah satu badan berkanun Kerajaan Negeri Kelantan yang lahir daripada sistem Kerajaan Tempatan Malaysia atau dipanggil juga dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).<sup>14</sup> Phang Seiw Nooi menukilkan pandangan tokoh barat Malcom W. Norris<sup>15</sup> yang menakrifkan Kerajaan Tempatan dalam

---

peraturan menutup aurat dan berpakaian sopan MPKB-BRI: “Keghairahan PBT menguatkuasakan peruntukan yang ada pada mereka boleh menimbulkan keadaan yang mungkin tidak disenangi oleh kumpulan tertentu. Saya minta mereka tidak menggunakan peruntukan ini sebagai alasan untuk bertindak sewenang-wenang sehingga ia menjadi sesuatu yang menekan dari segi kebebasan individu”. Lihat *Berita Harian*, “PBT Diminta Kaji Peraturan Denda Wanita Seksi”, 6 Disember 2006. Lihat juga *The Star*, “MPKB: Cover Up Or Else”, 5 Disember 2006, h. 3.

<sup>13</sup> Hal ini berdasarkan pemerhatian pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI terhadap budaya berniaga masyarakat Cina Kelantan serta ketiadaan aduan masyarakat mengenai salah laku pakaian menjolok mata mereka. Sebab itu sepanjang tahun 2003-2009 sebanyak 660 kompaun yang dikeluarkan tiada satu kes pun melibatkan wanita bukan Islam. Kesemua 660 kompaun Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI hanya melibatkan wanita Islam. Temuramah dengan Ustaz Ropein Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

<sup>14</sup> Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu, Majlis Bandar Raya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

<sup>15</sup> Pandangan tokoh barat ini paling dekat memahami secara mendalam tentang konsep Kerajaan Tempatan. Hal ini tidaklah menghairankan kerana sistem dan teori Kerajaan Tempatan ini dikatakan muncul dan berkembang di Eropah pada kurun pertengahan, iaitu sekitar tahun 1050 hingga 1250 Masihi. Seiring penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, sistem pentadbiran tempatan ini dipraktikkan secara meluas oleh Inggeris terutama setelah mereka berjaya membuka bandar-bandar baru

konteks Semenanjung Malaysia bermaksud kerajaan di kawasan-kawasan bandar, luar bandar atau gabungan kedua-dua kawasan ini di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi.<sup>16</sup>

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, peranan Kerajaan Tempatan disusun semula menurut konsep federalisme. Dalam sistem federalisme ini Kerajaan Tempatan tidak lagi berdaulat dan fungsinya dihadkan kepada prinsip-prinsip *ultra vires*, iaitu Kerajaan Tempatan hanya berkuasa melakukan fungsi yang telah diwajibkan dalam undang-undangnya. Mengikut corak sistem pentadbiran ini, Kerajaan Tempatan berbentuk sistem kerajaan yang diagihkan dan menduduki tahap terendah dalam penyusunan sistem tiga tingkat Kerajaan Persekutuan.<sup>17</sup>

Berdasarkan Jadual 9, Senarai 11 dalam Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan kecuali Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Labuan adalah terletak di bawah senarai kerajaan negeri. Ini bermakna bahawa Kerajaan Tempatan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri bukan Kerajaan Persekutuan. Namun, untuk tujuan penyeragaman undang-undang dan dasar, perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Di samping itu, satu peruntukan tambahan dimasukkan iaitu Perkara 95A ke dalam Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1960 untuk membolehkan sebuah Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)<sup>18</sup> di peringkat pusat.<sup>19</sup>

---

dan bandar-bandar besar di Tanah Melayu. Kerajaan Tempatan pertama diasaskan ialah Georgetown, Pulau Pinang yang kemudian dinaik taraf sebagai Majlis Bandaraya pada 1 Januari 1957. Lihat Ahmad Atory Hussain (2002), *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2; Tan Sri Dato' Abdullah Ayub (1978), *Cara Pemerintahan Tanah Melayu (1957-1963)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 128-130.

<sup>16</sup> Phang Seiow Nooi (1989), *Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

<sup>17</sup> *Ibid*, hh. 440 & 441.

<sup>18</sup> Ahmad Atory Hussain (2002), *op.cit*, h. 138.

<sup>19</sup> Di peringkat pentadbiran kerajaan pusat, kerajaan-kerajaan tempatan di seluruh Malaysia bernaung di bawah kuasa Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Majlis ini merupakan badan tertinggi yang menggubal dasar serta undang-undang bagi mengawal dan memajukan perbandaran selaras dengan peruntukan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan. MNKT ini dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh semua Y.A.B. Ketua Menteri dan Menteri Besar bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia serta 10 orang Y.B. Menteri Kabinet Persekutuan yang berkaitan. Rujuk, <http://www.kpkt.gov.my>

Kini, di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Tempatan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan.<sup>20</sup> Manakala di peringkat pentadbiran MPKB-BRI pula diketuai Yang Dipertua sebagai Ketua Eksekutif dan 24 orang ahli majlis termasuk Yang Dipertua. Manakala jentera pentadbiran diketuai oleh setiausaha dan dibantu oleh 10 pengarah jabatan serta 29 bahagian pelaksana. Sehingga 1 Februari 2010 majlis mempunyai kakitangan tetap seramai 1169 orang.<sup>21</sup> Terdapat 10 jabatan dalam struktur pentadbiran MPKB-BRI iaitu Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Kewangan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Penilaian dan pengurusan Harta, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Jabatan Perlesenan, Jabatan Pembangunan Islam dan Jabatan Perhubungan Awam.<sup>22</sup>

Oleh itu, Kerajaan Tempatan memainkan peranan yang penting sebagai kerajaan peringkat ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.<sup>23</sup> Di peringkat kerajaan negeri Kelantan MPKB-BRI merupakan penguasa kerajaan tempatan yang terbesar dan terpenting. Tambahan pula bergerak sebagai pusat pentadbiran Kelantan dan sebuah organisasi yang mengaplikasikan dasar-dasar dan falsafah-falsafah kerajaan negeri.<sup>24</sup>

## 2. Sejarah Perkembangan MPKB-BRI

Umumnya perkembangan MPKB-BRI mengalami 4 tahap iaitu tahap zaman kesultanan Melayu Kelantan, semasa penjajahan Inggeris dan Jepun, selepas merdeka dan zaman pasca moden. Menurut sejarah bandar Kota Bharu lahir sekitar tahun 1884 selepas pertukaran nama “Istana Kota Bharu” yang diasaskan oleh Sultan Muhammad II kepada nama “Istana Balai Besar”.<sup>25</sup>

---

<sup>20</sup> Sekarang ini Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan ialah YB Dato’ Haji Takiyuddin bin Hassan.

<sup>21</sup> Temuramah dengan Encik Zulkarnain bin Hamzah, Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan MPKB-BRI, 1 Februari 2010.

<sup>22</sup> *Kota Bharu Bandar Raya Islam* (t.t), Kota Bharu: MPKB-BRI, hh. 75-77.

<sup>23</sup> Ahmad Ibrahim (1999), *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 440.

<sup>24</sup> Ucapan Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, sempena Seminar Ahli-Ahli Majlis Daerah dan Penguasa Tempatan di Kota Darul Naim, 21 Februari 1993.

<sup>25</sup> Lihat, T.P (1992), “Taklimat Pembangunan”, (Sempena Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan ke Jajahan Kota Bharu pada 16 September 1992), h. 48.



Perkembangan perbandaran di era penjajahan Inggeris memberikan impak besar kepada perkembangan bandar Kota Bharu. Pada tahun 1903 bandar Kota Bharu mula berkembang apabila ditadbir secara sistem nasihat (*advisory system*) oleh dua pegawai Inggeris dan seorang perkhidmatan Awam Siam sebagai Residen dan Pesuruh Jaya Tinggi Siam di Kelantan, seorang lagi Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>26</sup>

Pada tahun 1928, Bandar Kota Bharu dijadikan Kerajaan Tempatan di bawah undang-undang "*The Municipal Health Encanment 1928*" dan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1953, Kota Bharu dinaiktarafkan sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu.<sup>27</sup> Manakala penamaan semula kepada "Majlis Perbandaran Kota Bharu" berlaku pada tahun 1978, dan kemudiannya pada 20 Februari 2005 Majlis ini diberikan nama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.<sup>28</sup>

### **3. Matlamat Pengisytiharan MPKB Sebagai Bandar Raya Islam 2015**

Oleh kerana syarat utama melayakkan sesebuah majlis diistiharkan bandaraya adalah pendapatan tahunannya melebihi 100 juta dan jumlah kepadatan penduduk 500 ribu, maka MPKB menyusun pelan strategik untuk mencapai status bandar raya Islam yang dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa pertama bermula tahun 2003 hingga tahun 2005 dan fasa kedua bermula 2006 hingga tahun 2015.<sup>29</sup>

Penamaan MPKB sebagai Bandar Raya Islam adalah suatu usaha jangka panjang kerajaan negeri Kelantan menjadikan Kota Bharu sebagai bandar raya berkonsepkan Islam. Bandar raya berteras amanah, keadilan, aman, kebajikan,

---

<sup>26</sup> Nik Mohamed Nik Salleh (1984), *Selenggara Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 100.

<sup>27</sup> Saiful Anuar Bin Muhammed Nor (1994), *MPKB: Peranan dan Sumbangan Ke Arah Pelaksanaan Tuntutan Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h 15.

<sup>28</sup> *Kota Bharu Bandar Raya Islam* (t.t), *op.cit*, hh. 35-36.

<sup>29</sup> Pihak MPKB-BRI komited dan yakin bahawa Kota Bharu akan mencapai sasaran status bandar raya Islam menjelang tahun 2015, malah Yang Dipertua MPKB-BRI, Encik Shafie Ismail berkata, status bandar raya Islam tidak mustahil dicapai lebih cepat sebelum 2015 memandangkan kini MPKB sedang melaksanakan 13 projek usaha sama dengan swasta dan 21 projek syarikat swasta, manakala 19 projek lagi sudah diluluskan. Projek-projek ini akan mendatangkan hasil yang meningkatkan pendapatan MPKB. *Berita Harian*, "Kota Bharu Yakin Capai Status Bandar Raya 2015", 12 Disember 2008.



maju dan bertenaga. Bandar raya ilmu, kesenian, keindahan dan harmoni yang berkonsepkan iman dan taqwa.<sup>30</sup>

YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan menjelaskan tujuan kerajaan negeri Kelantan mengisytiharkan MPKB sebagai Bandar Raya Islam<sup>31</sup> adalah sebagai satu cara untuk merealisasikan Islam secara menyeluruh, dalam aspek perbandaran, kemasyarakatan, budaya hidup dan sebagainya. Penekanan hendaklah diberikan kepada tiga jenis pembangunan yang bersepadu, iaitu pembangunan insan, pembangunan pengurusan dan pembangunan fizikal. Namun pembangunan insan adalah akar kepada semua pembangunan. Maka pembangunan kesedaran jiwa setiap warga bandar Kota Bharu agar mereka cintakan keilmuan, kepatuhan, kebajikan, kebersihan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.<sup>32</sup>

#### 4. Kawasan Pentadbiran MPKB-BRI

Pada tahun 1990 Kota Bharu merupakan pusat pentadbiran bagi negeri Kelantan yang mempunyai 28 seksyen. Di samping itu, ia telah dibahagikan kepada 14 daerah, 130 buah mukim dan 601 buah kampung.<sup>33</sup> Kawasan Pentadbiran MPKB-BRI membabitkan tiga kawasan parlimen iaitu Parlimen Kota Bharu, Parlimen Pengkalan Chepa dan Parlimen Kubang Kerian. Bagaimanapun pada tahun 2005, Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan permohonan MPKB-BRI untuk memperluaskan kawasan pentadbirannya melibatkan pertambahan kawasan baru di beberapa daerah di tiga kawasan parlimen Kota Bharu, Parlimen Pengkalan Chepa dan Parlimen Kubang Kerian. Kawasan-kawasan berkenaan ialah Daerah Limbat, Daerah Banggu, Daerah Seiring, Daerah Kota dan Daerah Badang. Dengan perluasan kawasan berkenaan, kawasan baru di sebelah timur bermula dari Pekan Pasir Tumbuh, Pekan Binjai dan Kota Jembal.<sup>34</sup>

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Majlis Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam berlangsung pada 1 Oktober 2005 bersamaan 27 Sya'ban 1426.

<sup>32</sup> Mohd Saiba bin Yaacob (2008), *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd, h. 335.

<sup>33</sup> Mek Ana binti Yusuff (1996), *Unit Pembangunan Islam MPKB: Satu Kajian Terhadap Keberkesanan Program-Programnya Ke Arah Melahirkan Insan Berilmu dan Beriman*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 3.

<sup>34</sup> T.P (1992), *op.cit*, h. 48.

Setakat ini, kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu seluas 115.64 km persegi. 80 peratus daripadanya adalah kawasan operasi Majlis. Dua kawasan utama yang menjadi tumpuan operasi adalah keseluruhan kawasan bandar lama, 11.4 km persegi dan kawasan bandar, iaitu sepanjang jalan-jalan utama serta sekitar 99 buah taman-taman perumahan.<sup>35</sup> Oleh kerana pembangunan pesat Bandar Kota Bharu, pertambahan penduduk mengikut bancian 2007 dianggarkan 577,299 orang dengan kepadatan penduduk 5,398 orang sekilometer persegi. Kaum Melayu seramai 238,478 (86%), Cina seramai 33,276 (12%), India seramai 4,159 (1.5%) dan lain-lain kaum seramai 1,386 (0.5%).<sup>36</sup>

## **5. Fungsi dan Peranan MPKB-BRI**

MPKB-BRI berperanan menyediakan kemudahan infrastruktur, menyediakan dan melengkapkan kemudahan sosial, menyusun bandar supaya kemas dan teratur sesuai dengan perkembangan semasa, merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan, mempertingkatkan jentera pentadbiran dan pengurusan majlis supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, menambah kewangan daripada punca-punca yang diperuntukan oleh undang-undang melalui kutipan bayaran lesen, cukai bandar, bayaran letak kereta, proses kelulusan pelan dan sebagainya dan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang bagi menjamin keadaan bandar supaya bersih, kemas, indah dan menarik.<sup>37</sup>

Berdasarkan fungsi terakhir tersebut MPKB-BRI memiliki kuasa perundangan tersendiri untuk mengawal pembangunan bandar. Ini bermakna, MPKB-BRI bukan sekadar bertanggungjawab terhadap pembangunan fizikal, tetapi perlu mengambil kira pembangunan insan mulia. Selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam, MPKB-BRI diminta memberikan penekanan

---

<sup>35</sup> Majlis Perbandaran Kota Bharu (1994), *Taklimat kepada KDYMM Tuanku Al-Sultan*, hh. 12-13.

<sup>36</sup> Penulis menggunakan data ini kerana lebih spesifik berbanding catatan dalam buku "*Kota Bharu Bandar Raya Islam*" yang memaparkan secara umum sahaja iaitu bancian yang dibuat pada tahun 2000 penduduk Kota Bharu berjumlah 400,000 orang pada tahun 2005 penduduk Kota Bharu dianggarkan kira-kira 500,000 orang. Manakala data 2007 mencatatkan jumlah penduduk Kota Bharu berjumlah 425,040 orang. Lihat *Berita Harian*, "Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2020", 1 Disember 2008.

<sup>37</sup> *Kota Bharu Bandar Raya Islam* (t.t), *op.cit*, h. 74.

kepada pembangunan modal insan mulia.<sup>38</sup> Sehubungan itu, MPKB-BRI mengambil langkah-langkah praktikal mengawal moral supaya kemudahan-kemudahan fizikal yang disediakan tidak disalahgunakan kepada perbuatan tidak bermoral.

Kawal moral atau kesusilaan dipergiatkan selepas setahun PAS memerintah Kelantan. Bermula 1 Januari 1991 premis-premis perjudian dihapuskan. Menutup semua pusat video game, karaoke, disko, kelab malam, pengasingan kaunter lelaki dan perempuan, mengharamkan pertunjukan yang melalakan dan menghairahkan, peraturan menutup aurat dan berpakaian sopan bagi bukan Islam<sup>39</sup> dan mengawal penjualan arak secara terbuka.<sup>40</sup>

Selain daripada memperkemas jabatan-jabatan yang sedia ada<sup>41</sup> bagi melicinkan dan memantapkan pentadbiran dalam usaha pembangunan modal insan, Jabatan Pembangunan Islam (JPI) ditubuhkan pada bulan September 1993. Jabatan ini adalah yang pertama dalam sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Jabatan ini diwujudkan bertujuan memantapkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan warga MPKB-BRI dan masyarakat berjalan lancar dan berkesan.<sup>42</sup>

---

<sup>38</sup> Dalam ucapan pengisytiharan MPKB sebagai Bandar Raya Islam YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan meminta pihak MPKB-BRI mesti maju seiring dengan dasar Membangun Bersama Islam yang memberikan perhatian serius kepada lapan perkara. Perkara kedua yang disebut beliau ialah "pakaian orang Islam hendaklah menutup aurat. Sementara pakaian bukan Islam perlulah sopan" Mohd Saiba bin Yaacob (2008), *op.cit.*, h. 340.

<sup>39</sup> Harun Taib (ed.) (2000), *Model Kerajaan Islam*, Mohd Daud Iraqi, "Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama", Kuala Lumpur: Dewan Ulama PAS Pusat, h. 60.

<sup>40</sup> Kedai arak di Kota Bharu sebelum tahun 1990 berjumlah 86 buah. Tetapi kini bilangan kedai arak ini dihadkan kepada 8 buah sahaja. "Kedai jual arak 1990-86 buah, sekarang- 8 buah [http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=17142&ite](http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=17142&ite), tarikh akses 25/9/2008.

<sup>41</sup> Terdapat 9 jabatan iaitu; Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Kewangan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perhubungan Awam. Kota Bharu Bandar Raya Islam, *op.cit.*, hh. 75-77.

<sup>42</sup> Temuramah dengan Ustaz Ropien Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 9 Februari 2009.

## LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG AURAT MPKB-BRI

Kemenangan APU<sup>43</sup> dalam pilihanraya umum 21 Oktober 1990 di Kelantan<sup>44</sup> membuka suatu lembaran baru dunia politik tanahair. Bertolak daripada kerjasama politik yang berasaskan konsep perpaduan dalam Islam yang memperjuangkan Islam sebagai *al-dīn*<sup>45</sup> dan gagasan kepimpinan ulama yang dipegang PAS<sup>46</sup> telah meletakkan dasar “Membangun Bersama Islam” sebagai dasar induk pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.<sup>47</sup> Dasar ini membuka ruang yang luas kepada pelaksanaan pentadbiran Islamik di negeri Kelantan.<sup>48</sup> MPKB-

<sup>43</sup> APU adalah ringkasan kepada Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah yang merupakan gabungan di antara parti-parti politik di Kelantan iaitu PAS, Parti Melayu Semangat 46, BERJASA dan HAMIM. Hasil pakatan APU ini telah mendapat kemenangan besar Dewan Undangan Negeri 39-0 pada pilihanraya 21 Oktober 1990. Mohd Sayuti Omar (1991), *Kelantan Selepas Pantang*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, h. v.

<sup>44</sup> Susur galur politik Kelantan amat unik kerana beberapa kali mengalami pertukaran kerajaan. Tahun 1955-1959: Kerajaan Perikatan. Tahun 1959-1974: Kerajaan PAS. Tahun 1974-1976: Kerajaan Campuran PAS & BN. Tahun 1976-1978: Kerajaan PAS. 1978-1990: Kerajaan BN. Tahun 1990-1995: Kerajaan APU (PAS & Semangat 46). Tahun 1995-Kini: Kerajaan PAS. T.P (t.t), *Perubahan-Perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama*, Kelantan: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h. 2.

<sup>45</sup> Shukeri Mohammad (2009). "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyah di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000 : Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan"(Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Siasah Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 114.

<sup>46</sup> Gagasan kepimpinan ulama ini bertolak atas kepercayaan bahawa pemerintahan Islam adalah pemerintahan berasaskan agama seperti ditegaskan al-Imam al-Ghazali; “Agama itu asas dan kerajaan itu pengawal. Sesuatu tanpa asas akan tumbang dan sesuatu tanpa pengawal akan hilang”. Kepercayaan kedua adalah ia merupakan sebuah kerajaan yang dipandu ulama. Dalam usaha merealisasikan gagasan kepimpinan ulama ini YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan pada 22 Oktober 1990. Harun Taib (2000), *op.cit*, h. 42. Lihat *Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, j. 43, 6 Disember 1990.

<sup>47</sup> Dasar Membangun Bersama Islam ini adalah satu pakej yang ditawarkan kepada rakyat melalui manifesto pilihanraya kesembilan. Slogan ini disifatkan sebagai pendekatan *siāsah syari'iyah* ke arah merealisasikan hasrat pelaksanaan Islam secara komperihensif, khususnya dalam pentadbiran. Dengan huraian yang lain, maju ke hadapan dengan cara yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (1966), “Konsep Membangun Bersama Islam Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri”, (*Kertas Kerja Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan* 24 April 1996), h. 2.

<sup>48</sup> Harun Taib (2000), *op.cit*, h. 54.

BRI sebagai salah satu badan berkanun terpenting kerajaan negeri Kelantan yang dilihat mempunyai peranan eksklusif untuk merealisasikan pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam pembangunan fizikal dan akhlak, khususnya kepada masyarakat bandar Kota Bharu sebagai imej utama kepada pemerintahan PAS.<sup>49</sup>

Sehubungan itu, pada awal tahun 1992 MPKB-BRI mengambil langkah berani menetapkan peraturan menutup aurat bagi wanita Islam dan berpakaian sopan kepada bukan Islam. Peraturan aurat dan pakaian sopan ini adalah yang pertama dalam bidang kuasa kerajaan tempatan di Malaysia. Kerana itu, pelaksanaan peraturan ini secara menyeluruh bukanlah satu usaha mudah dalam masyarakat yang majmuk ditambah lagi dengan perbezaan ideologi politik antara negeri Kelantan dan Persekutuan.

Pelaksanaan undang-undang aurat menyelusuri dua tahap berikut:

#### **(i) Tahap Pertama: Tahun 1992-2002**

Pada 1 Januari 1992 MPKB-BRI memulakan langkah awal menguatkuasakan peraturan menutup aurat bagi wanita Islam dan berpakaian sopan wanita melalui syarat pelesenan. Peraturan aurat ini dikuatkuasakan ke atas pemegang lesen.<sup>50</sup> Oleh kerana, peraturan ini diletakkan sebagai syarat lesen, maka mematuhi syarat-syarat lesen dipertanggungjawabkan kepada pemegang lesen sepenuhnya.<sup>51</sup>

Jika didapati majikan atau perkerja enggan mematuhi syarat pakaian ini, MPKB-BRI boleh mengkompaun pelesen sahaja, bukan wanita yang melakukan kesalahan tersebut. Dengan maksud lain, kesalahan aurat dikenakan ke atas pemegang lesen bukan orang yang mendedahkan aurat. Sebab itu, MPKB-BRI hanya boleh menguatkuasakan peraturan aurat ini kepada premis-premis yang mempunyai lesen sahaja. Jika mana-mana premis yang tidak berlesen sedangkan majikan wanita atau perkerja wanita mendedahkan aurat, maka MPKB-BRI hanya berbidang kuasa mengkompaun di atas kesalahan berniaga tanpa lesen sahaja. MPKB-BRI tidak berbidang kuasa mengkompaun atas

---

<sup>49</sup> *Buletin Khas* (t.t), “Perubahan Yang Dilakukan MPKB-BRI Selama 17 Tahun Di Bawah Pimpinan Ulama”, Kota Bharu: Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI, h.1; *Buletin Khas* (2008), “Kota Bharu Terus Membangun Di Bawah Pemerintahan Ulamak”, Bil 1/ Feb. 2008, Kota Bharu: Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI, Kota Bharu, h. 1.

<sup>50</sup> *Buletin* (1992), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 18, h. 1.

<sup>51</sup> Pemegang lesen ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil MPKB. Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan 2002), Seksyen 2.

kesalahan mendedahkan aurat kerana peraturan aurat tidak diwartakan sebagai undang-undang kecil.<sup>52</sup>

Skop peraturan aurat pada peringkat ini tertumpu kepada bahagian tred, perniagaan dan perindustrian seperti kilang-kilang, kedai-kedai runcit dan kedai-kedai makan. Di samping itu, Jabatan Pelesenan MPKB-BRI diberikan tanggungjawab besar dalam menjayakan pelaksanaan peraturan aurat serta dibantu oleh Jabatan Penguatkuasaan.<sup>53</sup>

Pada September 1992, iaitu setelah tujuh bulan peraturan ini dikuatkuasakan, Bahagian Penguatkuasa MPKB-BRI telah mengeluarkan sebanyak 31 kompaun kerana kesalahan melanggar syarat pelesenan berkaitan aurat di pelbagai jenis premis. Manakala pada 2 Januari 1994, *Berita Harian* melaporkan 100 premis perniagaan dikenakan kompaun kerana enggan mematuhi peraturan menutup aurat setelah beberapa nasihat dan amaran lisan diberikan. Setiap kesalahan tersebut dikenakan kompaun sebanyak RM10.00 (sepuluh ringgit sahaja).<sup>54</sup> Selain kompaun, MPKB-BRI berkuasa mengambil tindakan terhadap lesen perniagaannya sama ada ditarik balik, dibatalkan atau tidak disambung oleh MPKB-BRI.<sup>55</sup>

Oleh kerana penguatkuasaan peraturan aurat ini merupakan yang pertama di negara ini di samping faktor-faktor politik waktu, pelaksanaannya mencetuskan pelbagai reaksi pro dan kontra masyarakat termasuk kerajaan persekutuan. Pihak-pihak tertentu yang masih kurang jelas mengenai matlamat ini peraturan ini atau tidak mendapat maklumat sebenar mendesak pihak MPKB-BRI melalui pelbagai pendekatan seperti menelefon secara terus, akhbar dan dialog agar menilai semula peraturan tersebut yang disifatkan mengganggu kebebasan individu dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi Kelantan.<sup>56</sup> Namun pihak MPKB-BRI bertegas menguatkuasakannya seperti yang diputuskan;<sup>57</sup>

---

<sup>52</sup> Temuramah dengan Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Ketua Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, 9 Mac 2004 dan 29 Julai 2009. Beliau memegang jawatan Pengarah Jabatan Pelesenan MPKB-BRI bermula tahun 1997 hingga sekarang.

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> *Berita Harian*, 2 Jun 1994.

<sup>55</sup> Temuramah dengan Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Ketua Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, 9 Mac 2004 dan 29 Julai 2009.

<sup>56</sup> Hasil umum temuramah dengan tiga pegawai MPKB-BRI yang terlibat langsung dalam penguatkuasaan undang-undang aurat iaitu Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Ketua Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, Ustaz Haji Ropein Hasan, Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI dan Ustaz Wan Muhammad Sharafi Wan Mustafa, Timbalan Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

<sup>57</sup> *Harakah*, 10 Januari 1992, h. 2.

*“Walau pada awalnya kami menghadapi banyak kesukaran, tetapi MPKB tetap menjalankan apa yang diputuskan oleh pihak Majlis Perbandaran, kuat kuasa pakaian menutup aurat pekerja wanita Islam dan bersopan kepada bukan Islam.”*

Pada period ini, kesedaran ilmu diberikan keutamaan dalam usaha memantapkan asas-asas penguatkuasaan undang-undang. Usaha-usaha giat dijalankan memahamkan masyarakat melalui pelbagai pendekatan hikmah seperti ceramah khas di premis-premis perniagaan, edaran pamflet dan papan iklan, malah termasuk pegawai-pegawai penguatkuasa yang turun memberi nasihat dari masa ke semasa. Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI dijadikan agen utama, memainkan peranan terpenting dalam kerja-kerja dakwah ini bagi memastikan matlamat menutup aurat dan berpakaian sopan tercapai.<sup>58</sup>

Encik Afandi Hamzah, Ketua Sektor Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI menjelaskan matlamat utama peraturan aurat adalah pendidikan supaya timbul kesedaran yang tinggi di kalangan peniaga-peniaga negeri ini. Berniaga bukanlah penghalang kepada menutup aurat. MPKB-BRI tidak bermaksud menghukum sesiapa. Konsep ini selaras dengan gagasan Bandar Raya Islam yang berteraskan pembudayaan dan penghayatan nilai-nilai Islam dan murni. Langkah undang-undang adalah pendekatan terakhir.<sup>59</sup>

Oleh kerana peraturan aurat ini hanya bersifat syarat pelesenan, maka penguatkuasaannya tidak dapat dilaksanakan secara tegas dan menyeluruh. Masih terdapat segelintir peniaga wanita Islam yang tidak menutup aurat. Walaupun bilangannya sedikit tetapi memberi impak negatif kepada pelaksanaan dasar Islamik di Kelantan. Tindakan undang-undang yang lebih tegas dan berkesan tidak boleh diambil. MPKB-BRI dalam banyak keadaan terpaksa bersikap waspada dan hikmah; memberi nasihat dan amaran.

Kemuncak kelemahan peraturan ini adalah setelah Abdullah Foto mencabar pihak MPKB-BRI di Mahkamah Rendah Kota Bharu berikutan menamatkan lesen perniagaannya atas alasan perkerjanya tidak menutup aurat. Keputusan mahkamah memihak kepada pihak tertuduh dan memerintahkan pihak MPKB-BRI membayar RM30,000 kepada tertuduh.<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Temuramah dengan Ustaz Ropein bin Husin, Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 9 Februari 2009.

<sup>59</sup> Temuramah dengan Encik Afandi bin Hamzah, Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 2 Mac 2004.

<sup>60</sup> *Ibid.*



## **(ii) Tahap Kedua: Tahun 2002-2004**

Penguatkuasaan peraturan aurat dan pakaian sopan melalui syarat sebenarnya suatu proses kematangan kepada pewartaan undang-undang itu sendiri secara sah. Hakikatnya, daripada peringkat awal lagi MPKB-BRI telah menyiapkan pelan memperundangkan kewajiban menutup aurat dan berpakaian sopan sebagai undang-undang penuh. Namun, beberapa faktor semasa yang perlu dipertimbangkan menyebabkan proses perundangan berjalan secara berperingkat.

Setelah sepuluh peraturan aurat diaplikasikan dalam bentuk syarat pelesenan, pada 3 Januari 2002 MPKB-BRI mewartakan kewajiban menutup aurat dan berpakaian sopan ini sebagai undang-undang penuh buat pertama kalinya dalam satu undang-undang kecil sahaja, iaitu Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan) 2002, dan dikuatkuasakan pada 3 Januari 2002.

Signifikan Undang-Undang Tred ini dipilih, mendahului undang-undang kecil lain adalah kerana kemampuan skop pemakaian Undang-Undang Tred ini lebih luas berbanding undang-undang kecil yang lain. Bidang kuasanya melibatkan kebanyakan premis-premis perniagaan yang berkait rapat dengan masyarakat. Ia juga sebagai langkah permulaan memperundangkan kesalahan aurat dan pakaian tidak sopan kepada semua undang-undang kecil MPKB-BRI. Di samping itu, pada waktu itu pihak MPKB-BRI hanya mempunyai seorang pegawai undang-undang sahaja.<sup>61</sup>

Justeru itu, penggubalan undang-undang menutup aurat dan berpakaian sopan ini tidak digubal serentak dalam semua undang-undang kecil MPKB-BRI. Ia mengalami proses pindaan secara berperingkat, bermula tahun 2002 hingga 2004. Setakat kajian ini dijalankan, MPKB-BRI telah mewartakan peruntukan aurat dan pakaian sopan ini kepada lapan undang-undang kecil. Berikut adalah lapan undang-undang yang dimaksudkan secara urutan menurut tahun:

- a. Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002 di bawah seksyen 27A yang berkuatkuasa pada 3 Januari 2002.<sup>62</sup>

---

<sup>61</sup> Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 12 Januari 2009. Beliau menggantikan Encik Afandi bin Hamzah.

<sup>62</sup> Industri bermaksud apa-apa perniagaan, tred, pengusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pengajian, pertukangan atau pekerjaan indusrtian atau vokasion dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang. Manakala tred pula ialah jenis aktiviti perdagangan yang

- b. Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establishmen Makanan MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 4A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.<sup>63</sup>
- c. Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 13A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.<sup>64</sup>
- d. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 3B yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.<sup>65</sup>
- e. Undang-Undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 24A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.<sup>66</sup>
- f. Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Pensendirian 1987 (Pindaan) 2004 MPKB di bawah seksyen 9A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.<sup>67</sup>

---

dinyatakan dalam jadual. Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002, Seksyen 2.

<sup>63</sup> Establishmen ertinya mana-mana tempat makanan dan minuman disediakan untuk tujuan jualan. Skop ini termasuk bar, pub, kantin, kafeteria, kedai kopi, kedai makanan, restoran, coffee house, pembekal makanan, kedai-kedai menjual barang-barang keperluan dapur, kedai runcit, kedai menjual lain-lain makanan atau buah-buahan, gerai-gerai tepi jalan. Lihat Undang-undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establishmen Makanan MPKB (Pindaan) 2003 Seksyen 2 dan 2(c).

<sup>64</sup> Penjaja termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara. Lihat Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003, Seksyen 2.

<sup>65</sup> Kedai gunting rambut termasuk sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau atasnya urusan dandan rambut dijalankan. Lihat Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003, Seksyen 2.

<sup>66</sup> Rumah tumpangan termasuklah hotel dan mana-mana tempat di mana-mana disediakan kemudahan penginapan untuk lima atau lebih orang dengan tujuan pembalasan dan di mana apa-apa juga perkhidmatan domestik yang disediakan oleh tuanpunya, pemajak, tenan utama, pemilik atau pengurus kepada mana-mana jua orang yang menginap dan termasuk mana-mana rumah tumpangan lain. Undang-Undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003, Seksyen 2.

<sup>67</sup> Tempat letak kereta persendirian ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan dan digunakan untuk meletakkan sepuluh buah kenderaan bermotor atau lebih di lot-lot letak kereta yang disediakan dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan bermotor tertakluk kepada bayaran fee sama ada bagi setiap jam atau selainnya. Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Pensendirian 1987 (Pindaan), 2004, Seksyen 2.

- g. Undang-Undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.<sup>68</sup>
- h. Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.<sup>69</sup>

Dengan pewartaan aurat dan pakaian sopan dalam lapan undang-undang kecil di atas bererti selesailah pelan berperingkat mengkodifikasikan aurat dan pakaian sopan dalam undang-undang kecil. Puan Khairiah binti Mohamed menyatakan bahawa walaupun MPKB-BRI mempunyai dua puluh undang-undang kecil, tetapi hanya lapan undang-undang kecil sahaja yang berkaitan langsung dengan pekerja-pekerja wanita di permis-permis perniagaan awam atau terbuka.<sup>70</sup>

Perlu diingatkan bahawa dalam tempoh pewartaan undang-undang aurat tersebut, penguatkuasaan peraturan aurat melalui syarat pelesenan tetap berjalan seperti mana lazimnya. Proses penggubalan undang-undang aurat tidak mengganggu penguatkuasaan peraturan aurat dalam syarat-syarat lesen. Begitu juga tidak bermakna tuntutan aurat dan pakaian sopan terbatas dalam lapan undang-undang kecil sahaja, tetapi dikuatkuasakan dalam keseluruhan bidang kuasa MPKB-BRI apabila sesuatu aktiviti itu berkaitan dengan perniagaan dan pelesenan melalui syarat-syarat pelesenan. Dengan maksud yang lain, pelaksanaan aurat MPKB-BRI dipecahkan kepada dua bahagian iaitu dalam lapan undang-undang kecil dan kedua melalui semua aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan pelesenan.

### **Tafsiran Peruntukan Aurat Dan Pakaian Sopan**

MPKB-BRI menstandardkan peruntukan aurat dalam kesemua lapan undang-undang kecil aurat iaitu;

*“Pemegang lesen semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya jika ia wanita Islam memastikan dirinya dan*

---

<sup>68</sup> Pasar dalam takrifan ini termasuk pasar, gerai dan ruangan. Pasar terbahagi dua iaitu pasar awam dan pasar persendirian. Lihat Undang-Undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004, Sekyen 2.

<sup>69</sup> Kedai dobi ertinya mana-mana tempat, bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan di mana pakaian dibasuh, dijemur, diperah atau digosok sama ada dengan tangan atau dengan jentera dan termasuklah kedai dobi wap, establishment cucian kering dan launderette. Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004, Seksyen 2.

<sup>70</sup> Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 12 Januari 2009.

*semua pekerja wanitanya yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen dan pekerja wanitanya bukan beragama Islam, hendaklah memakai pakaian sopan”.*<sup>71</sup>

Persoalan pertama peruntukan aurat di atas adalah berkaitan ayat pertama yang ditujukan kepada pemegang lesen yang memikul dua penafsiran di bawah;

- i. Perintah MPKB-BRI mengenai penutupan aurat dan berpakaian sopan ditujukan terus kepada pemegang lesen yang merupakan individu yang berhubung langsung dengan pihak MPKB-BRI dalam hal ehwal perniagaan. Dalam soal ini pemegang lesen adalah individu asas yang dipertanggungjawabkan memperturunkan, memerintahkan dan melaksanakan kewajiban aurat dan pakaian sopan ini di premis perniagaannya sama ada ke atas dirinya sendiri dan pekerja-pekerjanya menurut konteks undang-undang kecil aurat.
- ii. Pemegang lesen sama ada lelaki atau wanita, sama ada beragama Islam atau bukan Islam dipertanggungjawabkan secara undang-undang bahawa memastikan pekerja-pekerja wanita yang berkerja di premis miliknya semasa perniagaan dijalankan supaya mematuhi undang-undang kecil aurat. Dengan maksud yang lain, pemegang lesen diletakkan tanggungjawab perundangan sepenuhnya bahawa ia boleh dikenakan tindakan undang-undang sekiranya dirinya sendiri atau pekerja wanitanya melanggar undang-undang kecil aurat. Dengan itu, seluruh proses perundangan hanya melibatkan individu pemegang lesen sahaja, tidak melibatkan pekerja wanitanya sama sekali. Pemegang lesen disifatkan bertanggungjawab terhadap aktiviti perniagaannya termasuk etika berpakaian pekerja wanitanya.

Berdasarkan tafsiran-tafsiran terhadap pemegang lesen di atas menunjukkan bahawa pihak MPKB-BRI berbidang kuasa untuk mengambil tindakan perundangan sepenuhnya ke atas pemegang lesen di atas kecuaiannya ia membiarkan pekerja wanita Islam tidak menutup aurat atau pekerja bukan Islam berpakaian tidak sopan sama ada mengenakan kompaun atau menarik

---

<sup>71</sup> Penulis mengambil satu contoh peruntukan aurat daripada Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002 di bawah seksyen 27A mewakili peruntukan aurat dalam tujuh undang-undang kecil aurat lagi. Penulis juga menambah garisan di bawah ayat *tred. perniagaan atau perindustriannya* untuk menandakan perubahan ayat hanya dibuat pada ayat yang digariskan di bawahnya menurut bidang kuasa undang-undang kecil masing-masing. Manakala ayat-ayat yang lain distandardkan untuk semua lapan undang-undang kecil aurat.

balik lesen perniagaan, walaupun dari satu sudut yang lain, pemegang lesen mungkin beranggapan bahawa haknya dicerobohi dan didikrimasikan di atas tanggungjawab perundangan terhadap kesalahan aurat yang dilakukan oleh pekerja wanitanya. Ini disebabkan pada zahirnya, pekerja wanita yang bersalah itu sepatutnya dikenakan tindakan undang-undang kerana konsep asal hukuman bahawa setiap seorang bertanggungjawab di atas perbuatannya sendiri, bukan perbuatan orang lain. Namun apa yang berlaku dalam undang-undang kecil aurat ini, kesalahan pekerja wanita dalam isu aurat dikenakan tindakan kepada pemegang lesen.<sup>72</sup>

Kesimpulannya, tindakan undang-undang aurat dikenakan kepada pemegang lesen di atas sifat ia diberikan keizinan secara undang-undang yang sah oleh pihak MPKB-BRI untuk menjalankan perniagaan bukan kerana kesalahan mendedahkan aurat atau tidak berpakaian sopan semata-mata. Dalam keadaan yang sama, pemegang lesen tertakluk pula dengan syarat kelapan di bawah Syarat-Syarat Lesen Yang Perlu Dipatuhi yang antara lain menyebut;<sup>73</sup>

*“Semua pemegang lesen serta pekerja Islam hendaklah berpakaian menutup aurat dan bagi pemegang lesen dan pekerja yang bukan Islam hendaklah berpakaian sopan sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam”.*

Penelitian mendapati konteks syarat pelesenan ini terdapat pertentangan dengan konteks undang-undang kecil aurat, terutama berkaitan jantina pesalah aurat. Syarat pelesenan di atas secara jelas menghendaki semua pemegang lesen dan pekerja sama ada lelaki atau wanita bahawa berpakaian menutup aurat jika ia Islam dan berpakaian sopan jika ia non muslim, sedangkan skop undang-undang kecil aurat hanya terbatas kepada kaum wanita sahaja. Dengan itu ruang lingkup peruntukan syarat pelesenan di atas lebih mantap berbanding skop peruntukan undang-undang kecil aurat itu sendiri. Malah, penulis menganggap bahawa peruntukan syarat pelesenan ini lebih dekat kepada keperluan syarak dan *siyāsah syar‘iyyah*. Namun, oleh kerana syarat pelesenan itu berstatus peraturan lesen sahaja maka lelaki Islam yang tidak menutup aurat

---

<sup>72</sup> Penulis memeriksa 20 Notis Kompaun yang dikeluarkan Jabatan Pembangunan Islam atas kesalahan aurat bermula tahun 2005-2008 mendapati kesemua notis kompaun tersebut ditujukan kepada pemegang lesen serta dicatatkan juga dibawahnya suatu catatan ringkas pekerja wanita Islam yang melanggar undang-undang aurat.

<sup>73</sup> Dalam lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh MPKB-BRI diletakkan di bahagian belakang 23 Syarat Yang Perlu Dipatuhi oleh pemegang lesen. Kaedah ini sangat praktikal sebagai pengetahuan dan peringatan kepada pemegang lesen.

atau lelaki bukan Islam yang tidak berpakaian sopan tidak boleh disabitkan ke atas diri pesalah atas sebab kesalahan aurat tetapi hendaklah disabitkan ke atas pemegang lesen di atas sifat pelanggaran syarat-syarat lesen. Dengan kata lain, lelaki yang mendedahkan aurat sama sekali tidak boleh disabitkan di atas mana-mana undang-undang kecil MPKB-BRI.

Persoalan seterusnya berhubung skop gender undang-undang aurat dibataskan kepada golongan wanita sahaja yang diklafikasikan menurut kepercayaan agama; Islam dan bukan Islam. Konseptualnya, majikan atau pekerja wanita Islam dikehendaki berpakaian menutup aurat, sementara jika mereka wanita bukan Islam dikehendaki berpakaian sopan. Kaum lelaki sama ada majikan, pekerja dan pelanggan di premis-premis perniagaan tidak tertakluk di bawah bidang kuasa peruntukan ini. Begitu juga pelanggan-pelanggan wanita yang mendedahkan aurat atau wanita bukan Islam berpakaian kurang sopan tidak boleh disabitkan di bawah undang-undang kecil aurat MPKB-BRI.

Bidang kuasa terakhir undang-undang kecil aurat serta syarat pelesenan tidak menentukan had umur tertentu atau pengecualian umur tertentu. Ia mencakupi semua peringkat umur wanita sama ada wanita yang haid atau wanita yang telah putus haid. Dengan maksud yang lain, pemegang lesen dan pekerja-pekerja wanita tua yang telah putus haid tidak dikecualikan daripada kewajiban menutup aurat, khususnya bertudung sewaktu menjalankan aktiviti perniagaan.<sup>74</sup>

### **Tafsiran Aurat dan Pakaian Sopan**

Oleh kerana tafsiran aurat berbeza dengan tafsiran pakaian sopan, maka perbincangan dipecahkan kepada dua sub tajuk di bawah:

#### **(i) Tafsiran Aurat Wanita Islam**

Dalam setiap lapan undang-undang kecil kesalahan aurat ini memberikan satu standard tafsiran berpakaian menutup aurat mencakupi aurat dan juga pakaian menutup aurat seperti mana berikut;<sup>75</sup>

---

<sup>74</sup> MPKB-BRI nampaknya menguatkuasakan undang-undang aurat tanpa mengira had umur selaras dengan peruntukan undang-undang aurat. Penulis memaparkan dua rekod notis kompaun yang dikeluarkan Jabatan pembangunan Islam membuktikan penguatkuasaan menyeluruh ini. Lihat Nombor Notis Tawaran Kompaun 108201, 16/05/2006. Pesalah berumur 46 tahun semasa melakukan kesalahan aurat. Nombor Notis Tawaran Kompaun 117101, 23/07/2007. Pesalah waktu itu berumur 50 tahun.

<sup>75</sup> Lihat Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan 2002).

2 (a) “Aurat ertinya seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan”

“Pakaian menutup aurat ertinya pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan”.

Tafsiran aurat di atas diterima pakai setelah pihak perundangan MPKB-BRI membuat rujukan kepada Jabatan Mufti Negeri Kelantan tentang maksud aurat dan syarat menutup aurat.<sup>76</sup> Dengan maksud, pihak MPKB-BRI terlebih dahulu mendapatkan pandangan Jabatan Mufti Kelantan takrifan aurat menurut perspektif syarak selaras dengan autoriti pentadbiran hal ehwal agama Islam terletak di bawah kuasa jabatan agama negeri.

Berdasarkan peruntukan tafsiran aurat di atas, etika aurat<sup>77</sup> hendaklah memenuhi dua unsur iaitu bahagian aurat dan cara menutup aurat. Elemen pertama merujuk kepada aurat itu sendiri, iaitu anggota-anggota badan yang disifatkan aurat. Elemen kedua merujuk kepada aspek teknikal iaitu kaedah menutup bahagian-bahagian yang dianggap aurat atau disebut juga sebagai syarat-syarat menutup aurat. Kedua-dua elemen hendaklah dipenuhi secara bersepadu. Dengan maksud lain, seseorang wanita dianggap bersalah jika melanggar salah satu sahaja daripada etika aurat yang telah ditetapkan seperti tidak bertudung, atau berpakaian ketat atau berpakaian nipis sehingga menyifatkan tubuh badan.

## (ii) Tafsiran Pakaian Sopan Wanita Bukan Islam

Menyentuh undang-undang kecil berkaitan pakaian kurang sopan bagi bukan Islam memperlihatkan pendekatan pentabiran yang bijaksana, adil

<sup>76</sup> Temuramah dengan En. Afandi bin Hamzah serta Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI sekarang pada 29 Julai 2009.

<sup>77</sup> Menurut A. Stroll dan R. H. Popkin, etika memiliki multi pengertian menurut tabiat bidang tertentu seperti etika perubatan, etika peguam dan sebagainya. Maka dalam konteks ini dimaksudkan dengan etika pakaian ialah suatu kod pakaian yang dapat mengatur tingkah laku berpakaian atau sebagai garis panduan untuk mengukur cara berpakaian selaras dengan prinsip-prinsip akhlak dan moral. Penulis akan memakai istilah etika ini secara umum sama ada merujuk kepada syarat-syarat aurat Islam atau garis panduan berpakaian bukan Islam. Lihat Avrum Stroll (1979), *Introduction to Philosophy*, 3<sup>rd</sup> edition, New York: Holt, Rinehart and Winston, hh. 259-261. Lihat juga A. I. Melden (1967), *Ethical Theories A Book of Readings*, 2<sup>nd</sup> Edition, New Jersey: Prentice-Hall Inc, hh. 1-5.



dan menyeluruh kerana berjaya mengimplementasikan kemajmukan agama, bangsa dan adat setempat, malah mengabaikan aspek persejarahan.<sup>78</sup> Seperti yang ditegaskan bahawa persoalan pakaian sangat sensitif kerana berkait rapat dengan personal dan keagamaan. Justeru itu, pendekatan undang-undang kecil ini yang tidak memberikan penafsiran rigid “pakaian sopan” bukan Islam adalah sangat praktikal. Ini bermakna, tafsiran etika atau garis panduan pakaian bukan Islam menerima pakai pengaruh adat dan budaya sesuatu bangsa dan kepercayaan masing-masing.

Di samping itu, pengasingan tafsiran aurat bagi wanita Islam dan pakaian kurang sopan kepada bukan Islam selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang tidak memaksa warga bukan Islam tunduk kepada hukum-hukum Islam.<sup>79</sup> Dalam keadaan yang sama meraikan prinsip perlembagaan Malaysia yang memberikan kebebasan hak beragama.<sup>80</sup>

Pada dasarnya pentadbiran hal ehwal bukan Islam adalah di luar bidang kuasa agama negeri. Disebabkan hal yang demikian, pihak MPKB-BRI tidak merujuk tafsiran berpakaian sopan itu kepada Jabatan Mufti Kelantan seperti yang dibuat terhadap tafsiran aurat. Setakat ini MPKB-BRI masih belum mengeluarkan sebarang garis panduan rasmi mengenai kod etika pakaian sopan bukan Islam menurut konteks MPKB-BRI. Namun berdasarkan pamflet Pakaian Menutup Aurat dan Pakaian Sopan yang dikeluarkan oleh Jabatan pembangunan Islam MPKB-BRI dan diedarkan kepada orang ramai menunjukkan etika pakaian sopan sekurang-kurangnya menutupi ketiak dan menutupi kedua-dua lutut.<sup>81</sup>

---

<sup>78</sup> Kemasukan kaum Cina dan India sebelum merdeka dengan gaya hidup dan agama yang berbeza, tidaklah menjadi punca untuk mewujudkan konflik yang besar. Bahkan dengan keterbukaan itu telah membuat negara kita lebih kaya dari segi adat dan budaya, pembangunan negara lebih pesat berbanding negara lain di Dunia Ketiga. Pencapaian ini wajar dipertahankan dalam semua aspek kehidupan sama ada politik, ekonomi dan sosial. Naziree Md Yusof (2006), *op.cit*, h. 5.

<sup>79</sup> Maksud ayat; “*Tiada paksaan dalam al-Din*” (Surah al-Baqarah 2: 256)

<sup>80</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (1) & 11 (1)

<sup>81</sup> Pamflet aurat dan pakaian sopan bukan kod etika pakaian menutup aurat atau berpakaian sopan yang diwartakan oleh pihak pentadbiran MPKB-BRI. Sebaran pamflet itu kepada masyarakat umum tersebut sebagai sebaran dakwah umum untuk panduan masyarakat tentang konsep menutup aurat dan berpakaian sopan. Kenyataan ini sekaligus menjawab kekeliruan sesetengah masyarakat tentang edaran pamflet aurat JPI yang didakwa sebagai menyekat kebebasan individu dan awam. Temuramah dengan Ustaz Ropein Hasan, Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI dan Ustaz Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustaffa, Timbalan Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

## ASAS-ASAS SYARAK PERUNTUKAN AURAT DAN BERPAKAIAN SOPAN

Asas-asas syarak ini dapat dipecahkan kepada dua asas berikut:

### a. Asas Pensyariatan Hukum

Allah SWT berfirman:

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّاَزْوَاجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَائِ الْمُؤْمِنِيْنَ يَدْنِيْنَ عَلَيِهِنَّ  
مِن جَلِيْبِيْهِنَّ ذٰلِكَ اَدْنٰى اَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذِيْنَ ۗ وَكَانَ اللّٰهُ غَفُوْرًا  
رَّحِيْمًا

“Hai Nabi, Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: “Hendaklah mereka melabuhkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka”. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Surah al-Ahzab, 33:59)

Berdasarkan nas al-Quran di atas ijmak ulama menutup aurat adalah wajib ke atas setiap mukallaf.<sup>82</sup> Bahkan, mempersenda-sendakan hukum aurat akan memusnahkan iman<sup>83</sup> kerana daerah hukum aurat termasuk dalam katogeri yang diketahui umum secara darurat (*al-‘Ilm fi al-Dīn bī al-Darūrah*).<sup>84</sup> Mendedahkan aurat terutama di khayalak bukan sahaja berdosa besar tetapi

<sup>82</sup> Al-Nawawī (t.t), *al-Majmū‘ alā Syarḥ al-Muhaddhab*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr. h. 166; ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (t.t), *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, j. 1, Kaherah: Maktabah al-Mujallad al- ‘Arabī, h. 173.

<sup>83</sup> Seseorang itu menjadi murtad dengan mempersendakan hukum menutup aurat seperti berkata; “Dalam zaman yang bebas ini wanita tidak perlu bungkus-bungkus (bertudung)”. Zakaria @ Mahmod bin Daud (t.t), “Asas Akidah”, (Kursus Pengajian Awam, Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya cawangan Nilam Puri), h. 78.

<sup>84</sup> Al-Syarbasī (t.t), *Yas‘alūnaka fi al-Dīn wa al-Ḥayāh*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 165.

dianggap suatu kesalahan awam<sup>85</sup> yang menjejaskan kepentingan umum dan mengganggu kerukunan sosial.<sup>86</sup>

Islam sebagai *al-Dīn* mengemukakan etika asas penutupan aurat supaya matlamat hukum tercapai yang disebut sebagai syarat-syarat menutup aurat. Di antara hadith masyhur yang menetapkan bahawa syarat pakaian menutupi aurat adalah seluruh tubuh wanita kecuali muka dan kedua-dua tangannya serta tidak nipis ialah hadith di bawah,<sup>87</sup>

عن خالد قال يعقوب ابن دريك عن عائشة رضي الله عنها أن أسماء بنت أبي بكر دخلت على رسول الله صلى الله عليه وسلم وعليها ثياب رفاق فأعرض عنها رسول الله صلى الله عليه وسلم وقال يا أسماء إن المرأة إذا بلغت المحيض لم تصلح أن يرى منها إلا هذا وهذا وأشار إلى وجهه وكفيه

*Daripada Khālid, berkata Ya 'qūb Ibn Durayk daripada 'Ā'isyah r.a Sesungguhnya Asmā' binti Abū Bakr r.a masuk menemui Rasulullah S.A.W dengan berpakaian nipis. Lantas Baginda memaling pandangannya daripada Asmā' seraya bersabda; "Wahai! Asmā' sesungguhnya seorang wanita bila baligh tidak wajar ia dilihat kecuali bahagian-bahagian ini, sambil Baginda menunjukkan kepada wajah dan kedua-dua telapak tangannya (Baginda)."*

<sup>85</sup> Hakikatnya konseptual tuntutan aurat berbeza menurut keadaan. Sebab itu, umumnya aurat wanita dipecahkan kepada tiga keadaan iaitu ketika bersama suami, ketika bersama mahram dan ketika bersama dengan yang sah nikah. Ketiga-tiga keadaan ini pula boleh dibahagikan kepada dua situasi iaitu dalam rumah dan ketika keluar rumah.

<sup>86</sup> Ibn Ḥajar al-Haithamī (1988), *al-Zawājir 'an Iqtirāf al-Kabā'ir*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 258.

<sup>87</sup> *Saḥīḥ Abī Dāwud*: 3580. Ulama hadith berbeza pandangan status perawi Khālid ibn Duraik ini. Abu Dawud mengklafikasikan hadith ini sebagai *mursal* kerana perawi hadith ini bernama Khālid bin Duraik tidak sezaman dengan 'Āisyah r.a. Al-Jurjānī pula mengelompokkan hadith ini dalam hadith-hadith *daif*. Tetapi Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menukulkan padangan Ibn Mu'īn, al-Nasa'i dan Ibn Hibban bahawa Khālid ibn Duraik seorang yang *thiqah*. Abū Dāwud (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 460; Al-Jurjānī (1988), *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rajul*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 373; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1983), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 75.

Jelas sekali tafsiran aurat undang-undang kecil MPKB-BRI seluruh tubuh wanita kecuali muka dan kedua-dua tangannya berdasarkan penunjukkan hadith di atas, dan syarat tersebut dipegangi oleh jumhur.<sup>88</sup> Pandangan ini amat praktikal diketengahkan walaupun bertentangan dengan semangat amalan negeri Kelantan yang mengutamakan mazhab Syafi'i.<sup>89</sup> Walau bagaimanapun, had "kedua-dua tangan" tidak dijelaskan secara ditil di sini sedangkan jumhur merincikan had aurat tangan yang boleh dibuka bermula dari hujung jari hingga ke pergelangan tangan sahaja. Dengan kata lain, had kedua-dua telapak tangan zahir dan batin sehingga pergelangan tangan tidak termasuk bahagian aurat yang wajib ditutup. Sementara bahagian atas pergelangan kedua-dua telapak tangan seperti lengan dan siku adalah termasuk bahagian aurat yang wajib ditutupi.

Daripada perbincangan di atas menunjukkan bahawa MPKB-BRI menetapkan tiga syarat pakaian menutup aurat bagi wanita seperti berikut:

- i. Menutup sekelian tubuh kecuali muka dan kedua-dua tangan.
- ii. Tidak ketat atau sempit sehingga menonjolkan bentuk bahagian badan aurat.
- iii. Tidak nipis sehingga menampakkan bahagian badan aurat.<sup>90</sup>

Tiga syarat di atas bercanggah dengan pandangan Yūsuf al-Qarḍāwī<sup>91</sup> yang menetapkan syarat menutup aurat yang disepakati adalah empat syarat. Al-Qarḍāwī meletakkan syarat yang keempat ialah bahawa pakaian wanita yang menutup aurat itu tidak menyerupai lelaki atau pakaian lelaki tidak menyerupai wanita.

---

<sup>88</sup> 'Abd al-Fattāḥ Maḥmūd Idrīs (1993), *Aḥkām al-'Awrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, Kaherah, hh. 36-46.

<sup>89</sup> Mazhab Syafi'i berpandangan aurat wanita bersama lelaki *ajnabi* terutama ketika keluar rumah ialah seluruh tubuhnya tanpa pengecualian wajah dan kedua-dua tangan. Malah mazhab Syafi'i membezakan aurat ketika solat dengan aurat di luar solat. Aurat luar solat lebih ketat berbanding aurat ketika solat di mana ketika solat wanita boleh membuka muka dan kedua-dua tangannya. Lihat al-Qalyūbī dan Umairah (t.t), *al-Qalyūbī wa Umairah*, j. 1, Kaherah: Dār al-Fikr, h. 177.

<sup>90</sup> Tahap kenipisan pakaian itu bahawa boleh diukur tidak menampakkan warna kulit sewaktu interaksi atau bercakap-cakap dengan lelaki *ajnabi* dalam jarak kebiasaan, dalam situasi cuaca yang normal; tidak terlalu gelap atau cerah dan pada tahap penglihatan manusia biasa. Abū Bakr al-Dimyāḥī (t.t) *I'ānah al-Ṭālibīn*, j.1, Thailand: Maktabah Muḥammad al-Hādī wa Awladih, h. 113.

<sup>91</sup> Lihat Yūsuf al-Qarḍāwī (1996), *Fatāwā Mu'āṣarah*, j.1, Kuwait: Dār al-Qalam, hh. 436-437.

Persoalan seterusnya berkaitan hukum wanita tua atau yang telah putus haid, yang keluar rumah dan terlibat dalam urusan-urusan perniagaan tidak terkecuali daripada kewajiban menutup aurat seperti mana wanita-wanita yang belum putus haid adalah juga memakai pandangan jumhur. Ulama tafsir seperti Ibn Kathīr,<sup>92</sup> al-Qurṭūbī<sup>93</sup> dan al-Jaṣṣāṣ<sup>94</sup> menegaskan bahawa rambut wanita tua tetap aurat, terutama ketika mereka keluar rumah dan terlibat dalam kehidupan sosial yang terbuka. Menurut pandangan ini wanita tua tetap tidak terkecuali menutup aurat seperti mana wanita berhaid semasa menjalankan aktiviti luar rumah yang melibatkan pergaulan lelaki-lelaki *ajnabi*.

### b. Asas *Siyāsah Syar‘iyyah*

Dimaksudkan asas *siyāsah syar‘iyyah*<sup>95</sup> dalam perbincangan ini adalah suatu tindakan pentadbiran atau pemerintah berasaskan kemaslahatan atau suatu cara yang digunakan bagi mencapai *maqāṣid syar‘iyyah*<sup>96</sup> walaupun ianya tidak dinyatakan secara langsung oleh wahyu.<sup>97</sup> Dengan itu, *siyāsah syar‘iyyah* ialah satu sistem yang mengaplikasikan kehendak-kehendak syarak menurut kemaslahatan semasa dalam bentuk pentadbiran demi mencapai objektif-objektif syariah. Maka operasi-operasi pihak pemerintah mestilah berasaskan metodologi *siyāsah syar‘iyyah* agar kemaslahatan hakiki benar-benar terhasil.

---

<sup>92</sup> Ibn Kathīr (1995), *al-Jāmi‘ al-Qurān al-‘Azīm*, j. 6, Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 499.

<sup>93</sup> Al-Qurṭūbī (1988), *al-Jāmi‘ li al-Aḥkām al-Qurān*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 447–448.

<sup>94</sup> Al-Jaṣṣāṣ (1994), *al-Aḥkām al-Qurān*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 431.

<sup>95</sup> Terdapat dua pendekatan dalam takrif *siyāsah*. Definisi am iaitu *siyāsah* sebagai kaedah pentadbiran dan sistem Islam. Kedua definisi khas *siyāsah* sebagai kaedah penentuan hukum atau metode ijtihad. Zulqarnain Hassan (2008), *Wanita Sebagai Calon Pilihanraya Suatu Perbincangan dari Sudut Siyāsah Syar‘iyyah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 5.

<sup>96</sup> Lihat Ibn Farḥun (1301H), *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Uṣūl al-‘Aqdiyah wa al-Aḥkām*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 104.

<sup>97</sup> Ibn al-Qayyim menukulkan definisi *siyāsah syar‘iyyah* yang dianggap paling komprehensif iaitu “Suatu tindakan yang boleh membawa manusia lebih hampir kepada kebaikan dan terhindar daripada kebinasaan walaupun ianya tidak pernah dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dan tidak pernah diturunkan wahyu”. Ibn al-Qayyim (1996), *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 11.

Oleh kerana undang-undang aurat digali daripada sumber-sumber syarak,<sup>98</sup> maka pelaksanaan tersebut hendaklah diistilahkan sebagai *siyāsah syar‘iyyah*. Nas-nas al-Quran<sup>99</sup> secara zahir menunjukkan arahan-arahan wahyu terhadap pihak-pihak yang berkuasa menurut bidang kuasa masing-masing supaya memastikan wanita yang baligh di bawah kuasanya bahawa menutup aurat.<sup>100</sup> Ibn Kathīr<sup>101</sup> menegaskan bahawa ayat-ayat menutup aurat adalah bersifat perintah-perintah kepada pihak-pihak yang mempunyai kuasa supaya mengambil tanggungjawab terhadap penutupan aurat.

Di samping itu, hak pelaksanaan kewajiban menutup aurat adalah termasuk di bawah bidang hak-hak Allah SWT<sup>102</sup> bukan hak individu seperti yang disalahfahami oleh sesetengah golongan. Menurut istilah fiqh, hak-hak Allah SWT bermaksud hak-hak awam yang ditadbir oleh pihak pemerintah kerana ia berkaitan dengan kepentingan umum. Pandangan ini diutarakan oleh Syeikh ‘Aṭīyyah Ṣāqar dan al-Syarbīnī yang menegaskan bahawa pelaksanaan menutup aurat bertujuan menjaga kemaslahatan umum.<sup>103</sup> Manakala Syeikh al-Mutawālī al-Sya‘rāwī menyifatkan kewajiban tersebut sebagai kawalan atau jaminan sosial.<sup>104</sup>

Oleh kerana matlamat menutup aurat adalah melibatkan kepentingan awam dan menjamin kesejahteraan sosial, maka orang-orang bukan Islam juga tidak boleh diabaikan secara total dalam tanggungjawab ini sebagai salah satu warga masyarakat umum. Mereka juga dituntut memelihara nilai kesopanan dan kehormatan mereka menurut agama dan adat mereka selagi tidak bercanggah dengan nila-nilai murni yang diterima masyarakat yang sihat.

Dalam sejarah pemerintah Khalifah ‘Umar r.a, ‘Ubaidah bin Jarraḥ r.a, gabenor Iraq menulis surat kepada Khalifah ‘Umar r.a meminta pandangan

---

<sup>98</sup> Undang-undang aurat jelas sekali mengambil sumber al-Quran dan hadith serta pandangan ulama muktabar. Metode *Siyāsah Syar‘iyyah* dalam mencapai *Maqāṣid Syar‘iyyah* lebih jelas apabila pihak MPKB-BRI merujuk istilah aurat kepada Jabatan Mufti Negeri Kelantan.

<sup>99</sup> Lihat surah al-Nur, 24:32 dan surah al-Ahzab, 33:59.

<sup>100</sup> Lihat Fatwa Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq, 3 Safar 1400 H bersamaan 22 Disember 1979, No. 319.

<sup>101</sup> Ibn Kathīr (1995), *op.cit*, hh. 378-384.

<sup>102</sup> ‘Aṭīyyah Ṣāqar (t.t), *Iḥsān al-Kalām fī al-Fatāwā wa al-Aḥkām*, j. 1, Kaherah: Dār al-Ghād al-‘Arabī, h. 689.

<sup>103</sup> Al-Syarbīnī (1994), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 210.

<sup>104</sup> Al-Sya‘rāwī (t.t), *al-Mar‘ah wa al-Rijāl wa Khuṣūm al-Islām*, Iskandariah: Dār al-Nadwah, hh. 91-92.

ketua negara berhubung tindakan wajar pemerintah mengenai fenomena pergaulan wanita bukan Islam dengan wanita Islam di tempat-tempat mandian awam di mana tuntutan penutupan aurat sukar terpelihara kerana keperluan-keperluan mandian. Khalifah ‘Umar r.a berfikiran jauh memutuskan bahawa tidak dibenarkan wanita bukan Islam mandi bersama dengan wanita Islam kerana dibimbingi tercetus fitnah.<sup>105</sup>

Dalil *athār* ini merupakan hujah konkrit kewajiban pemerintah bertindak berdasarkan *siyāsah syar‘iyyah* dalam isu pergaulan dan aurat umum. Pendekatan pencegahan (*sadd al-dharā‘i*) bertujuan menutup jendela-jendela fitnah dan kemungkarannya yang digarapkan Khalifah ‘Umar r.a benar-benar menepati objektif *maqāṣid syar‘iyyah*.<sup>106</sup> Aduan Gabenor Iraq ini kepada pihak tertinggi pentadbiran negara disebabkan pendedahan aurat di tempat mandian awam telah menjadi isu di Iraq. Situasi ini telah mengancam kesejahteraan awam dan berkemungkinan berat mencetuskan fitnah-fitnah awam. Situasi-situasi negatif seumpama ini tidak harus dibiarkan menular dalam masyarakat. Perintah Khalifah ‘Umar memadamkan dengan perintah sekatan dan pengasingan tersebut kerana melihat kepada isu pergaulan dan aurat tersebut berbangkit di lokasi-lokasi tertentu sahaja iaitu di tempat-tempat mandian awam. Isu pergaulan dan aurat tidak dibangkitkan di tempat-tempat awam lain seperti premis-premis perniagaan, madrasah-madrasah dan pejabat-pejabat kerajaan.

Namun jika fenomena pendedahan aurat telah berleluasa, merebak dan terbuka di tempat-tempat awam seperti disaksikan pada hari ini, pendekatan undang-undang perlu dipraktikkan bagi membendung jenayah kesusilaan ini. Dalam disiplin perundangan Islam, jenayah selain hudud dan qisas diletakkan di bawah bidang kuasa takzir.<sup>107</sup> Ulama bersepakat bahawa hukuman takzir dijatuhkan ke atas kesalahan-kesalahan melakukan perkara-perkara yang

---

<sup>105</sup> ‘Aṭīyyah Ṣāqar (t.t), *op.cit*, h. 160.

<sup>106</sup> Dalam disiplin *siyāsah syar‘iyyah* penggunaan kaedah-kaedah syarak seperti *al-istiṣlāḥ*, *al-maṣāliḥ al-mursalah* dan *sadd al-dharā‘i* suatu realiti dalam pengaplikasian hukum-hukum syarak. *Sadd al-Dharā‘i* bererti metode menentukan hukum syarak melalui kaedah menutup saluran-saluran yang membawa kepada kerosakan dan keburukan, walaupun saluran tersebut pada asalnya harus. Dalam keadaan yang pemakaiannya diperlebarkan kepada konsep membuka saluran-saluran kebaikan dan manfaat. Muḥammad Hisyām al-Burhāni (t.t), *Sadd al-Dharā‘i fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, j. 3, Beirut: Matba‘ah al-Raihani, h. 176.

<sup>107</sup> Takzir bermaksud hukuman atas *jarīmah* yang syarak tidak tentukan hukuman tertentu lagi khusus, bahkan hukuman itu menurut pertimbangan pemerintah. ‘Abd al-Qādir ‘Awdah (t.t), *al-Tasyrī‘ al-Janā‘ī al-Islāmī Muqārānan bi al-Qānun al-Waḍ‘ī*, j. 1, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, hh. 126-127.



diharamkan.<sup>108</sup> Sehubungan itu, ijmak ulama bahawa hukum menutup aurat adalah wajib sekaligus mendedahkan aurat adalah maksiat, haram dan berdosa.<sup>109</sup>

Di samping itu, pendedahan aurat di tempat-tempat awam dianggap bertentangan dengan norma-norma kesopanan dan kesusilaan<sup>110</sup> yang mengaibkan dan memalukan,<sup>111</sup> dan ini termasuk dalam skop istilah hukuman takzir bertujuan mengaibkan penjenayah disebabkan perbuatan jenayah yang memalukan.<sup>112</sup> Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim meletakkan tiga asas utama kesalahan takzir iaitu perbuatan yang boleh menjejaskan kepentingan, keamanan, ketenteraman dan kesusilaan awam yang tidak termasuk bidang hudud dan qisas.<sup>113</sup>

---

<sup>108</sup> Ibn Qayyim (1996), *op.cit*, h. 134.

<sup>109</sup> Penulis telah menyentuh perbincangan hukum aurat dalam tajuk “Asas-Asas Syarak” dalam subtopik terdahulu.

<sup>110</sup> Pembahagian ini berdasarkan pembahagian kesalahan-kesalahan jenayah syariah iaitu (i) Kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti pemujaan salah, mendakwa sebagai bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan, *takfir*; doktrin palsu dan dakwaan palsu. (ii) Kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam seperti mempersendakan ayat-ayat al-Quran atau al-Hadith, menghina Islam, mengajar tanpa tauliah, berjudi, meminum minuman yang memabukkan dan lain-lain. (iii) Kesalahan berhubung kesusilaan seperti persetubuhan sumbang, perlakuan kurang senonoh, pondan, khalwat, persetubuhan luar nikah dan lain-lain. (iv) Kesalahan pelbagai yang antaranya memujuk lari perempuan bersuami, menghasut suami atau isteri supaya bercerai, menjual atau memberikan anak kepada bukan Islam, qazaf, memungut zakat fitrah tanpa kebenaran dan lain-lain. (v) Penyubahatan dan percubaan. Lihat Abdul Monir Yaacob (2001), “Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Mahkamah Syariah”, *Jurnal Undang-Undang IKIM*, Vol. 5, No. 1, January-June 2001, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 19.

<sup>111</sup> Keaiban pendedahan aurat dipetik dari maksud asal penggunaan bahasa aurat. Aurat bererti kurang, aib dan keji. Orang Arab menyebutnya sedemikian kerana sifat yang keji, malu dan aib apabila ia terbuka dan dilihat. Sehubungan itu Ibn Manzūr menghuraikan bahawa maksud aurat ialah sesuatu yang memalukan bila ia zahir dan dilihat manusia, bahkan jika dilihat oleh malaikat atau jin. Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 4, Beirut: Dār al-Fikr, h. 617; Ibrāhīm Anīs (t.t), *Mu‘jam al-Waṣīṭ*, j. 2, h. 636.

<sup>112</sup> ‘Abdur Rahmān I. Doi (2003), *Undang-Undang Syariah*, Rohani Abdul Rahim (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 293.

<sup>113</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (Prof.) (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 476.

## ANALISIS PERUNTUKAN AURAT

Agak aneh apabila skop aurat hanya dibataskan kepada kaum Hawa sahaja, manakala kaum Adam tidak tercakup dalam undang-undang kecil aurat. Dengan itu, zahirnya undang-undang ini bersifat diskriminasi dan tidak komprehensif kerana mengkhususkan kewajipan kepada kaum wanita sahaja, sedangkan asal perintah syarak menutup aurat adalah umum tanpa mengira jantina. Menjawab persoalan tersebut, pihak MPKB-BRI mempunyai matlamat tersendiri. Puan Khairiah binti Mohamed berkata,<sup>114</sup>

*“Tujuan dihadkan wanita dalam undang-undang kecil aurat ini kerana dua sebab utama. Pertama mengambil pendekatan metodologi nas al-Quran sendiri yang memfokuskan wanita dalam isu aurat. Kedua faktor realiti semasa di mana penglibatan wanita yang ramai dalam perniagaan berbanding lelaki, di samping kajian umum menunjukkan isu pendedahan itu timbul di kalangan pekerja wanita. Aurat lelaki tidak berbangkit. Lelaki keluar rumah lazimnya telah menutup aurat. Aurat lelaki lebih simple iaitu antara pusat dan lutut sahaja”*.

Tidak dinafikan bahawa justifikasi di atas mempunyai rasional yang kukuh. Tujuan di atas diperkukuhkan lagi oleh tradisi masyarakat Kelantan yang mana kebanyakan kaum wanita terlibat dengan urusan perniagaan harian.<sup>115</sup> Sejak berzaman kaum wanita terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan di pekan-pekan dan di pasar-pasar seperti disaksikan di pasar besar Siti Khadijah Kota Bharu. Dianggarkan bahawa 80% perniagaan di Kelantan disertai kaum wanita.<sup>116</sup>

---

<sup>114</sup> Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 12 Januari 2009.

<sup>115</sup> Pada zaman pemerintahan Sultan Mansur (1891–1900) yang dikenali taat beragama dan warak merupakan zaman gemilang dalam sejarah perundangan Islam kehidupan beragama di negeri Kelantan. Beberapa undang-undang jenayah syarak diperluaskan. Selain menguatkuasakan undang-undang hudud seperti potong tangan ke atas pencuri dan qisas ke atas pembunuh, baginda juga menguatkuasakan undang-undang takzir bagi orang-orang yang tidak berpuasa dan tidak menutup aurat. Mana-mana perempuan yang didapati tidak menutup aurat akan dikenakan tindakan undang-undang dengan cara melumurkan badan mereka dengan ‘belakin’. Undang-undang aurat ini disifatkan sebagai perintis kepada undang-undang aurat lain di Kelantan. Lihat Abdul Razak Mahmud (2005), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, hh. 42-43.

<sup>116</sup> Temuramah dengan Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Pengarah Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

Namun pada pandangan penulis adalah lebih menyeluruh jika Undang-undang Kecil Aurat tidak mengabaikan kaum lelaki di atas ciri-ciri asas sesebuah undang-undang itu sendiri yang semestinya komprehensif. Penumpuan nas-nas syarak terhadap wanita dalam isu aurat bermaksud “keutamaan”, dengan maksud fokus utama hendaklah diberikan kepada kaum wanita selaras dengan sifat semulajadi wanita yang menarik perhatian lelaki<sup>117</sup> bukan bermaksud “pengabaian” kaum lelaki dalam daerah kewajipan aurat ini sama sekali.

Isu aurat lelaki boleh juga berbangkit dalam bentuk pekerjaan tertentu seperti di kolam-kolam renang. Begitu juga peruntukan aurat untuk kaum lelaki hendaklah dimantapkan dengan satu lagi keperluan tambahan iaitu “berpakaian pakaian sopan”. Tambahan ini perlu kerana aurat asas lelaki antara pusat dan lutut itu tidak relevan untuk dipakai dalam semua keadaan tanpa mengambil kira kemaslahatan aurat di luar rumah, khususnya ketika menjalankan aktiviti perniagaan awam. Tambahan pakaian sopan untuk kaum lelaki ini bukan mencipta hukum baru atau mengubah ketetapan syarak, tetapi suatu keperluan semasa berasaskan *siyāsah syar‘iyyah* di mana masyarakat hari ini tidak boleh menerima seorang lelaki yang hanya memakai seluar pendek yang menutup bahagian antara pusat dan lututnya tetapi tidak memakai baju yang mendedahkan perut dan dadanya semasa berniaga. Perbuatan seperti ini dianggap kurang sopan dan mengaibkan.

Dari sudut yang lain pula didapati bahawa undang-undang kecil aurat yang membatasi golongan wanita sahaja telah tidak selaras dengan kehendak syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan yang menetapkan bahawa lelaki dan perempuan Islam hendaklah menutup aurat.<sup>118</sup> Seperti yang diterangkan sebelumnya bahawa taraf dan kedudukan perundangan antara peraturan lesen dengan undang-undang kecil adalah berbeza. Undang-undang kecil boleh berdiri sendiri, sementara peraturan lesen tidak boleh berdiri sendiri di mana kesalahan hanya boleh disabitkan ke atas pemegang lesen sahaja. Masalah ini sedikit sebanyak akan menjejaskan reputasi MPKB-BRI.

---

<sup>117</sup> Berdasarkan maksud firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imrān, 3:14; “*Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, yaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga).*” Hakikatnya ini diperkukuhkan lagi dengan maksud hadith; “*Tiadalah sesuatu yang aku tinggalkan selepas kewafatanku yang sangat mudarat ke atas lelaki daripada wanita*”. Al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, j. 5, (Taḥqīq: Muṣṭafā Daib al-Bughā), Beirut: Dar Ibn Kahtir, h. 1959.

<sup>118</sup> Perkara 8, Syarat-Syarat Lesen Yang Perlu diPatuhi – MPKB-BRI

## Prosedur Penguatkuasaan Kesalahan Aurat

Kesalahan aurat kebanyakannya didapati melalui hasil pemantauan dan operasi aurat yang dijalankan oleh kakitangan MPKB-BRI yang diberikan kuasa penguatkuasaan. Menurut maklumat Ustaz Ropein bin Hasan<sup>119</sup> bahawa masih sedikit pihak JPI mendapat maklumat kesalahan aurat melalui aduan orang ramai. Ini menunjukkan tahap kesedaran menyeru perkara kebaikan dan menegah kemungkaran (*amr ma'rūf nahy munkar*) di kalangan warga Kota Bharu terhadap maksiat pendedahan aurat tidak menggalakkan.

Kerja-kerja pemantauan premis-premis perniagaan untuk kawalan aurat ini tidaklah begitu sukar kerana kebanyakan perkerja wanita Islam menutup aurat. Pemantauan atau rondaan ini bukan terhad pada waktu pejabat sahaja tetapi dipergiatkan dari masa ke semasa pada waktu luar pejabat terutama di pasar-pasar malam yang menjadi tumpuan orang ramai.<sup>120</sup>

Selaras dengan dasar MPKB-BRI untuk membudayakan warga Kota Bharu dengan nilai-nilai perbandaran Islam, maka pendekatan pendidikan dakwah diutamakan dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut. Sehubungan itu, penguatkuasa MPKB akan terlebih dahulu memberikan nasihat dan amaran sama ada secara lisan atau bertulis kepada peniaga wanita yang didapati tidak menutup aurat. Setelah nasihat diberikan namun didapati ia masih lagi mendedahkan aurat, maka notis kompaun akan dikeluarkan oleh penguat kuasa MPKB terbabit yang dicatatkan butiran tertuduh seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, lokasi, masa dan jenis kesalahan yang kemudiannya ditandatangani oleh tertuduh.

Tertuduh dikehendaki membayar kompaun tidak melebihi RM500.00 (lima ratus ringgit sahaja)<sup>121</sup> dalam masa seminggu dan tertuduh diberi hak untuk membuat rayuan meringankan kompaun atau mempertikaikan tuduhan terhadapnya di mahkamah. Pengarah setiap jabatan yang diberikan kuasa

---

<sup>119</sup> Temuramah dengan Ustaz Ropein bin Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 9 Februari 2009.

<sup>120</sup> *Ibid.*

<sup>121</sup> Lihat Undang-Undang Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002, Seksyen 31.

penguatkuasaan aurat<sup>122</sup> diberikan kuasa meringankan jumlah kompaun sehingga 50% daripada jumlah maksimum kompaun. Manakala Yang Dipertua MPKB-BRI diberikan budi bicara penuh memutuskan rayuan tertuduh.

Menurut maklumat JPI kesemua tertuduh atas kesalahan aurat ini yang dikenakan kompaun membayar kompaun dalam masa seminggu dan kemudian membuat rayuan meringankan harga kompaun. Dengan maksud yang lain, mereka mengaku bersalah dan membayar kompaun

Namun jika terdapat tertuduh enggan membayar kompaun atau tidak membayar kompaun dalam tempoh seminggu, pihak JPI akan mengeluarkan sekali lagi Notis Peringatan dan pihak JPI biasanya menunggu apa-apa jawapan daripada tertuduh selama sebulan. Seandainya tiada apa-apa tindakan dibuat oleh tertuduh, maka pihak JPI akan memanjangkan kes tersebut kepada Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan bagi memulakan proses undang-undang yang lebih tinggi.

Tindakan lanjutan yang perlu dilakukan oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan ialah mengeluarkan Notis Tindakan Mahkamah yang diberikan masa 14 hari kepada tertuduh. Jika dalam masa 14 hari tersebut tertuduh datang berunding dengan pihak MPKB-BRI, maka biasanya pihak MPKB-BRI akan menasihati tertuduh membayar kompaun untuk menutup kes tersebut.<sup>123</sup> Surat fail saman di mahkamah akan dikemukakan oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan jika dalam tempoh tersebut tertuduh gagal membayar kompaun dan mahkamah akan mengeluarkan surat saman untuk pembicaraan.

Bagi sesiapa disabitkan bersalah oleh mahkamah melanggar undang-undang kecil MPKB-BRI, termasuk kesalahan aurat bagi wanita Islam dan berpakaian tidak sopan bagi wanita bukan Islam boleh dihukum denda sebanyak tidak melebihi RM2000, atau penjara atau kedua-duanya sekali.<sup>124</sup>

---

<sup>122</sup> MPKB-BRI memberikan kuasa penguatkuasaan undang-undang aurat kepada tiga jabatan iaitu, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pembangunan Islam. Menurut kelaziman amalan pentadbiran MPKB-BRI, setiap jabatan tersebut bertanggungjawab ke atas setiap notis kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa jabatan masing-masing. Sebab itu hanya kuasa pengarah jabatan tersebut sahaja yang berhak mempertimbangkan rayuan kompaun bagi jabatannya. Ertinya, setiap jabatan tidak berbidang kuasa mencampuri pentadbiran jabatan lain. Tetapi berbeza dengan bidang kuasa Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Setiausaha dan Yang Dipertua yang berbidang kuasa penuh kepada seluruh pentadbiran hal ehwal perundangan MPKB-BRI. Ketiga-tiga jabatan ini berkuasa untuk mempertimbangkan kompaun yang daripada Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pembangunan Islam.

<sup>123</sup> Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 12 Januari 2009.

<sup>124</sup> Akta Kerajaan Tempatan 1976, Fasal 104.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, undang-undang kecil dan syarat pelesenan yang berkaitan aurat dan berpakaian sopan berjaya mengawal kesusilaan masyarakat Kelantan, khususnya dalam aspek sosio-ekonomi. Pakaian menutup aurat dan berpakaian sopan memberikan imej yang baik kepada MPKB-BRI dan kerajaan Kelantan amnya. MPKB-BRI berjaya merintis cabaran penguatkuasaan undang-undang aurat dan berpakaian sopan sekaligus merealisasikan hasrat perbandaran Islam pada tahun 2015. Namun penguatkuasaan secara menyeluruh didapati masih sukar disebabkan faktor tertentu seperti kekurangan kakitangan penguatkuasaan berbanding kawasan MPKB-BRI yang luas serta 10,000 premis perniagaan.

Peruntukan aurat dan berpakaian sopan MPKB-BRI bersumberkan dalil-dalil syarak yang jelas sekaligus membuktikan pelaksanaan *siyāsah syar'iyah* mampu diaplikasikan dalam bidang kuasa kerajaan tempatan dan suatu metodologi pentadbiran yang realistik dan praktikal. Justeru itu, ruang-ruang perundangan yang luas dalam bidang kuasa kerajaan tempatan perlu diperluaskan dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam mengawal gejala-gejala moral demi keseimbangan pembangunan fizikal dan pembangunan insan mulia.

Begitu juga garis panduan yang jelas perlu dikeluarkan, terutama tafsiran pakaian sopan bukan Islam demi mengelak pertikaian Undang-undang menutup aurat dan berpakaian sopan bukan sahaja amat perlu dipraktikkan dan diperluaskan mencakupi kawasan-kawasan awam memandangkan fenomena pendedahan aurat yang kian menular yang mengancam kestabilan sosial. Langkah perundangan ini sebagai langkah terakhir dan penting setelah diikuti langkah-langkah pendedahan dan kesedaran yang menyeluruh akan kepentingan menutup aurat dan berpakaian sopan sebagai tanggungjawab bersama.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Fattah Maḥmūd Idrīs (1993), *Aḥkām al-‘Awrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah.
- ‘Abd al-Qādir ‘Awdah (t.t), *al-Tasyrī‘ al-Janā‘ī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānun al-Waḍ‘ī*, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth.
- Abdul Monir Yaacob (2001), “Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Mahkamah Syariah”, *Jurnal Undang-Undang IKIM*, Vol. 5, No. 1, January–June Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Abdul Razak Mahmud (2005), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdullah Ayub (1978), *Cara Pemerintahan Tanah Melayu (1957-1963)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Abdur Rahman I. Doi (2003), *Undang-Undang Syariah*, Rohani Abdul Rahim (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abū Dāwud (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ahmad Atory Hussain (2002), *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim (1999), *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Aṭīyyah Ṣāqar (t.t), *Iḥsān al-Kalām fī al-Fatāwā wa al-Aḥkām*, Kaherah: Dār al-Ghād al-‘Arabī.
- Avrum Stroll (1979), *Introduction to Philosophy*, 3<sup>rd</sup> edition, New York: Holt, Rinehart and Winston.
- A. I. Melden (1967), *Ethical Theories A Book of Readings*, 2 Edition, New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Berita Harian*, “Kota Bharu Yakin Capai Status Bandar Raya 2015”, 12 Disember 2008.
- Berita Harian*, “PBT Diminta Kaji Peraturan Denda Wanita Seksi”, 6 Disember 2006.
- Berita Harian*, “Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2020”, 1 Disember 2008.
- Berita Harian*, 2 Jun 1994.
- Buletin Khas* (2008), “Kota Bharu Terus Membangun Di Bawah Pemerintahan Ulamak”, Bil. 1/ Feb. 2008. Kota Bahru: Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI.
- Buletin Khas* (t.t), “Perubahan Yang Dilakukan MPKB-BRI Selama 17 Tahun Di Bawah Pimpinan Ulama”, Kota Bahru: Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI.
- Buletin* (1992), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 18.
- Bukhārī, al- (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtasar*, (Taḥqīq: Dr. Muṣṭafā Daib al-Bughā) Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Dimiyāṭī, Abū Bakr, al- (t.t), *I‘ānah al-Ṭālibīn*, Thailand: Maktabah Muḥammad al-Hādī wa Awladih.



- Ibn Farḥun (1301H), *Tabṣīrah al-Ḥukkam fī Uṣūl al-‘Aqdiyah wa al-Aḥkām*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1983), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-Haithamī (1988), *al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabāir*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hisyām (1998), *al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Hisyām*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr (1995), *al-Jāmi‘ al-Qur‘ān al-‘Azīm*, Beirut: Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad bin Makram (1990), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyim (1996), *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibrāhīm Anīs (t.t), *Mu‘jam al-Waṣīf*, T.P.
- Jaṣṣāṣ al- (1994), *al-Aḥkām al-Qurān*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jazirī, ‘Abd al-Raḥmān, al (t.t), *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, Kaherah: Maktabah al-Mujallad al-‘Arabī.
- Jurjānī, al- (1988), *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rajul*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Harakah*, “Purdah Digeruni Masyarakat Eropah” 1- 4 Februari 2009.
- Harakah*, “Beberapa Negara Eropah Haramkan Hijab”, 25-28 Januari 2010.
- Harakah*, 10 Januari 1992.
- Kota Bharu Bandar Raya Islam* (t.t), Kota Bahru: MPKB-BRI.
- Majlis Perbandaran Kota Bharu (1994), *Taklimat kepada KDYMM Tuanku Al-Sultan*. Kota Bharu: MPKB-BRI.
- Mek Ana binti Yusuff (1996), *Unit Pembangunan Islam MPKB: Satu Kajian Terhadap Keberkesanan Program-Programnya Ke Arah Melahirkan Insan Berilmu dan Beriman*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Azhar bin Abdullah (2006), *Tudung: Anugerah, Histori, Konflik dan Perjuangan*, Kota Bahru: Percetakan Nik Daud.
- Mohd Daud Iraqi (2000), “Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama” dalam Harun Taib (ed.) *Model Kerajaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Ulama PAS Pusat.
- Mohd Saiba bin Yaacob (2008), *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*, Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

- Mohd Sayuti Omar (1991), *Kelantan Selepas Pantang*, Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Muhammad Ahmad Ismā'īl (t.t), *Awdah al-Ḥijāb*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Muhammad Hisyām al-Burhānī, (t.t), *Sadd al-Dharā'ī fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Beirut: Maṭba'ah al-Raihani.
- Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (t.t), *Fiqh al-Sīrah*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Munir Muhammad al-Ghadbān (1987), *al-Manhāj al-Ḥarakī li Sīrah al-Nabawiyyah*, Beirut: Maktabah al-Manār.
- Muslim (t.t), *Ṣaḥīh Muslim*, (Taḥqīq: Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī), Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi.
- Nawawī al- (t.t), *al-Majmū' 'alā Syarh al-Muhadhdhab*, Dār al-Fikr.
- Naziree Md. Yusof (2006), "Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukuman Murtad diMalaysia", *Jurnal Kanun*, 18(1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Mohamed Nik Salleh (1984), *Selenggara Warisan Kelantan*, Kota Bahru: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (1996), "Konsep Membangun Bersama Islam Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri", (Kertas Kerja, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 24 April 1996).
- Phang Seiow Nooi (1989), *Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qalyūbī dan Umayrah, al- (t.t), *al-Qalyūbī wa Umayrah*, Kaherah: Dār al-Fikr.
- Qardāwī, Yūsūf al- (1996), *Fatāwā Mu'āṣarah*, Kuwait: Dār al-Qalam.
- Saiful Anuar Bin Muhammed Nor (1994), *MPKB: Peranan dan Sumbangan Ke Arah Pelaksanaan Tuntutan Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shukeri Mohammad (2009), "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siyāsah Syar'iyah di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan", (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Siasah Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Sinar Harian*, "Perancis Larang Pakai Purdah Di Tempat Awam", 26 Januari 2010.
- Sya'rāwī, al- (t.t), *al-Mar'ah wa al-Rijāl wa Khuṣūm al-Islām*, Iskandariah: Dār al-Nadwah.

- Syarbinī, al- (1994), *Mughnī al-Muhtāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- T.P (1992), “Taklimat Pembangunan”, (Sempena Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan ke Jajahan Kota Bharu pada 16 September 1992, MPKB, Kota Bharu).
- T.P (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- T.P (t.t), *Perubahan-Perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama’*, Kelantan: Urus setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- The Star*, “MPKB: Cover Up Or Else”, 5 Disember 2006.
- Utusan Malaysia*, 23 Mac 2006.
- Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, j. 43, 6 Disember 1990.
- Zakaria @ Mahmod bin Daud (t.t), “Asas Akidah”, (Kursus Pengajian Awam, Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kelantan).
- Zulqarnain Hassan (2008), *Wanita Sebagai Calon Pilihanraya Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasa Syar’iyyah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

### **Laman Web**

<http://www.kpkt.gov.my>

“Kedai jual arak 1990 -86 buah, sekarang-8buah [http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=17142&ite,25/09/2008](http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=17142&ite,25/09/2008).

### **Statut/Enakmen**

Akta Kerajaan Tempatan 1976, Fasal 104.

Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etiket Pakaian, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dikuatkuasakan pada 15 Disember 1993.

Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002.

Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establishmen Makanan MPKB (Pindaan) 2003.

Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003.

Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003, Seksyen 2.

Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Pensendirian 1987 (Pindaan), 2004

Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004.

Undang-Undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004.

### **Temuramah**

Temuramah dengan En. Afandi bin Hamzah, Pegawai Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

Temuramah dengan Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI, 12 Januari 2009.

Temuramah dengan Ustaz Ropein bin Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 9 Februari 2009.

Temuramah dengan Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Pengarah Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, 29 Julai 2009.

Temuramah dengan Ustaz Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustaffa, Timbalan Ketua Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI, 29 Julai 2009.